

# ABJAD MALAYSIA

## ABSTRAK

**PERSATUAN WARGA MELAYU MALAYSIA** dan **PERTUBUHAN GERAK SENI SILAT ABJAD (ASLI) JABAT KILAT MALAYSIA** atas nama **ABJAD MALAYSIA** telah merangka satu formula bagi menjalinkan kerjasama dengan pihak Kerajaan, melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam setiap negeri dan NGO-NGO untuk disampaikan kepada masyarakat supaya kembali semula kepada Daulah Islamiah menerusi pengenalan satu Gagasan **Islam Melayu, Melayu Islam**.

Modul ini disediakan bagi mengembalikan semula masyarakat dan individu manusia kepada landasan mentauhidkan Allah SWT Yang Maha Esa dalam semua bidang kehidupan serta membebaskan diri daripada segala sifat-sifat kufur, syirik, maksiat dan murtad seterusnya memiliki jati diri serta berupaya untuk memperkasa diri, keluarga, keturunan, bangsa dan negara dengan mendukung serta mempertahankan hak Islam serta ketuanan Melayu, kekuatan perpaduan Melayu, institusi Kesultanan Raja-Raja Melayu dan kedaulatan negara pada setiap masa, waktu dan ketika.

ABJAD MALAYSIA juga memperjuangkan pengekaln dalam negara khususnya masyarakat Melayu supaya melaksanakan cara hidup Islam yang bertepatan dengan Mazhab Ahlus Sunnah Wal Jamaah.

ABJAD MALAYSIA bermuafakat dalam menyampaikan seruan Agama Islam hingga tercapainya kefahaman hakikat tauhid yang sah dan jelas serta menyatukan fahaman dan amalan untuk kekal hidup di bawah naungan Allah SWT Yang Maha Esa, Nabi Muhammad Rasulullah SAW, Kitabullah dan Kiblat yang satu.

ABJAD MALAYSIA menggunakan kaedah dakwah dalam ilmu dan amalan serentak rohani dan jasmani umat manusia, beristiqamah dengan berpegang teguh kepada hukum tertinggi Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.

ABJAD MALAYSIA berusaha untuk mendapat kerjasama supaya dibukakan ruang seluas-luasnya bagi mengumpul seberapa ramai umat Melayu Islam supaya bersatu dalam memperbaiki tumpuan pelaksanaan kerja dalam kehidupan kepada keperkasaan agama, diri, keluarga, bangsa dan negara sehingga mampu mengembalikan semula tamadun manusia yang bertepatan dengan kehendak Aqidah, Syariat dan Akhlak Islamiah.

- Bangsa hendaklah menerima Agama Islam maka jadilah bangsa itu bangsa beragama.
- Tempat letak agama pada diri seseorang itu ialah pada lidah, hati dan anggotanya.
- Seseorang yang menerima Islam dengan yakin, wajib fardhu ain menjaga agama yang ada pada dirinya pada bila-bila masa dan di mana-mana jua.
- Agama Islam akan keluar daripada diri seseorang itu setelah dia menerimanya atas nama kufur, syirik, murtad, munafiq, zalim dan fasiq.
- Ilmu menjadi pagar dan amalan pula menjadi baja yang menyuburkan Agama Islam yang ada pada dirinya selagi ilmu dan amal itu berada atas dasar agama dan diambil serta dipelajari dari mereka yang ahli pada babnya.

- Ilmu dan amalan seseorang akan menjadi racun yang membunuh agama yang ada pada dirinya sekiranya ilmu dan amalan itu tersasar dari dasar agama sehingga jatuh kepada kufur, syirik dan murtad jika diambil serta dipelajari pula daripada orang yang bukan ahli dalam babnya atau dari mereka-mereka yang telah rosak Aqidah, Syariat, Akhlak, Jihadu Binnafsi dan Jihadu Bil Mal.

Bermula dari sinilah puncanya segala kesesatan yang berlaku di dalam masyarakat sama ada melalui ilmu kerohanian yang dipanggil Ilmu Syariat, Tariqat, Hakikat dan Ma'rifat, termasuk juga mereka yang mempelajari dan mengamalkan ilmu pertahanan diri, persilatan, kebatinan, perubatan, perbomohan dan sebagainya.

Ini kerana apabila benteng iman yang memagari agama yang ada pada diri seseorang itu telah rosak, maka akan mudahlah diri seseorang itu dan seluruh ahli keluarga keturunannya diresapi dengan segala unsur kesesatan, kesyirikan, kejahatan, kemaksiatan dan masalah-masalah serta penyakit-penyakit keturunan seperti histeria, kerasukan, menurun, panas baran, degil, jahat sangka, cemburu buta, hasad dengki termasuk juga penyakit keturunan seperti kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, asma, barah, angin ahmar dan lain-lain lagi yang didalangi oleh musuh yang amat nyata iaitu terdiri daripada golongan manusia yang jahat, nafsu, jin, iblis, syaitan dan yang seumpama dengannya sehingga mereka itu sangat mudah terjerumus kepada perkara-perkara yang syirik, sesat, maksiat, gejala sosial, penzinaan, bohsia, bohjan, mat rempit, meminum arak, berjudi, menghisap dadah dan bermacam-macam lagi perkara kemaksiatan yang sudah berlaku, yang sedang berlaku dan yang akan berlaku sampai bila-bila masa sekalipun, selagi seseorang itu tidak kembali semula mentauhidkan Allah SWT dalam seluruh hidup dan kehidupannya rohani dan jasmani selama-lamanya.

## **MATLAMAT ABJAD MALAYSIA**

Membentuk angkatan kumpulan Masyarakat yang  
memiliki Jati diri (Jati Iman, Jati Islam, Jati Ikhsan)

yang mampu berperanan

memelihara Agama Islam, diri, keturunan, harta benda,

dan negara melalui gagasan

**ISLAM MELAYU, MELAYU ISLAM**

Bersatu mengambil Allah sebagai Al-Wali

Menerima ilmu asas perkasa diri

Agama Islam Pusaka Khalifah Wali

Pakaian kehidupan hamba Ilahi

## OBJEKTIF ABJAD MALAYSIA

- ❑ **Memperkenalkan dan menghidupkan semula 'Islam Melayu, Melayu Islam'** (Warga Melayu) berteraskan Agama Islam dalam bab : Aqidah, Syariat, Akhlak, Pengorbanan Diri dan Harta, Pendirian asas ilmu dan amalannya berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias mengikut aliran Mazhab fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ❑ **Mengembangkan Tarbiyah, pendidikan dan latihan ilmu pertahanan diri rohani / jasmani serentak, segera menyusun segala kekuatan, kemuliaan serta mempamerkan kehebatan yang terhimpun pada Agama Islam, memenuhi tuntutan kewajipan Kalimah Taqwa sebelum memulakan sesuatu pekerjaan melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.**
- ❑ **Memperjuangkan kepada umum bahawa Warga Melayu mengamalkan cara hidup Agama Islam mengikut sepenuhnya aliran fahaman Mazhab yang Rojeh ahli pada babnya (Ahli Sunnah Wal Jamaah).**
- ❑ **Mengajak semua atau menggalakkan pertubuhan-pertubuhan, badan-badan NGO, syarikat swasta, individu dan kerajaan turut memahami sejarah serta mengenali salasilah Warisan Warga Melayu dalam usaha penyebaran dan perkembangan Agama Islam, memenuhi tuntutan memelihara naluri insan menyempurnakan agenda kehidupan.**
- ❑ **Bekerjasama dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam setiap negeri, Jawatankuasa setempat, pasukan Polis dan pasukan-pasukan keselamatan yang lain.**
- ❑ **Memberi kerjasama kepada badan-badan NGO atau persatuan-persatuan yang tidak berlawanan dengan tujuannya apabila ianya sesuai dan tidak bercanggah dengan undang-undang Negara.**

- ❑ **Menyusun semula secara langsung kedudukan orang-orang Melayu supaya kembali tumpuan kepada sejarah Kedaulatan Warga Melayu melalui satu kaedah pendekatan yang tidak terhenti atas mana-mana satu pun aturan, susunan atau langkah dan tanpa taksud kepada mana-mana pihak.**
- ❑ **Mendukung kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan Negara, Institusi Kesultanan Raja-Raja Melayu, hak-hak Ketuanan Melayu dan berusaha membina kembali kekuatan perpaduan Melayu.**
- ❑ **Berusaha mengekalkan keamanan dengan memberi kerjasama menjamin hak asasi manusia untuk menghapuskan segala macam kepalsuan, kezaliman, penghambaan dan penindasan dalam kalangan manusia.**
- ❑ **Menggerakkan aktiviti menyatukan fahaman dan amalan kehidupan manusia kepada keadilan, pembangunan, kemajuan, kebahagiaan dalam bidang intelektual, pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lainnya.**
- ❑ **Memperkuat dan memupuk ukhuwah serta menyubur perpaduan Warga Melayu ke arah memelihara kehidupan masyarakat yang sihat dan berkeadilan.**
- ❑ **Mempertahankan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi yang tunggal dalam amalan Negara Malaysia dan berusaha sedaya-upaya memartabatkan Tulisan Jawi dan Bahasa Al-Quran dalam amalan Warganegara.**
- ❑ **Berusaha memperjuangkan wujud dengan sempurna semua jenis kesenian, kebudayaan, warisan dan Adat Melayu yang tidak berlawanan dengan asas ilmu dan berteraskan Agama Islam.**
- ❑ **Berusaha membina institusi hak-hak kepentingan Warga Melayu melalui Program Pembangunan Insan Sesama Insan dan lain-lain dalam usaha mencapai matlamat keharmonian antara kaum dalam kehidupan.**

- ❑ **Menjalankan** usaha menyediakan kemudahan tempat pemberian bantuan sehasrat dengan tujuan dan pelaburan amal jariah seumpama pemberian sedekah, derma kekal, yuran derma, Infaq Fisabilillah, amalan wakaf, bantuan zakat dan lain-lain yang mengharapkan keredhaan Allah SWT bagi Masalah penyebaran dan perkembangan Agama Islam dari masa ke semasa.
- ❑ **Mempelajari** dan menghidupkan semula Ilmu Mempertahankan Diri yang berteraskan Aqidah, Syariat dan Akhlak Islam sebenar.
- ❑ **Mempertahankan** maruah agama, diri, keturunan, harta, bangsa dan Negara.
- ❑ **Mengembangkan** ilmu ini kepada mereka yang berminat mempelajari dan mendalaminya, bertujuan untuk membezakan Ilmu Yang Haq dengan Yang Bathil di dalam Ilmu Mempertahankan Diri, Ilmu Perubatan, Ilmu Kerohanian, Ilmu Kebatinan dan lain-lain lagi mengikut Aqidah, Syariat dan Akhlak Islam yang sebenar.
- ❑ **Tanpa** terhad kepada mana-mana perkara yang tersebut di atas. Persatuan Warga Melayu melakukan apa-apa juga usaha dan tindakan bagi mencapai semua tujuan yang memberi faedah dengan syarat tidak melanggar mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di dalam negara.

Bahawasanya ABJAD MALAYSIA melalui Persatuan Warga Melayu Malaysia dan Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia adalah satu badan yang sah di sisi undang-undang Malaysia bertujuan melaksana seruan daripada beberapa seruan Agama Islam untuk menunaikan amanah Ad-Din, bagi menyempurnakan tuntutan Na`budu dan Nasta`in bagi mewarisi, memiliki dan mentadbir segala isi kandungan langit dan bumi secara berhak, mengikut aliran fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam bab Aqidah, Syariat, Akhlak, Jihadu Binnafsi dan Jihadu Bil Mal.

ABJAD MALAYSIA kini berusaha bersungguh-sungguh mujahadah diri menawarkan pelan Membangunkan Modal Insan, Modul Pertahanan Diri Latihan Rohani dan Jasmani serentak berasaskan keperihatinan menjana penyebaran dan perkembangan Tafaqohufiddin dan menyusun urus harta intelek kepada umat manusia. Membina kehidupan, memelihara kedaulatan Agama Islam, diri, keturunan, harta benda dan tanahair mengikut seruan Nabi Muhammad Rasulullah SAW pada semua peringkat, tempat, waktu dan masa.

Bagi menghadapi dunia yang penuh pancaroba, bergolak dan huru-hara, ABJAD MALAYSIA mengajak pihak-pihak yang berwajib khususnya dan masyarakat amnya untuk menjiwainya, bersedia melengkapkan persiapan pertahanan diri kita dengan latihan Rohani dan Jasmani yang menepati kehendak Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias bagi menuju Ketinggian Puncak Menang Mutlak di sisi Allah SWT Dunia dan Akhirat.



## PENGENALAN

Manusia dijadikan berasaskan kepada kitab Allah SWT, antara firmanNya :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maafumnya :

*Dan ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat, sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi.' (Manusia)*

[surah Al-Baqarah. ayat 30]

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maafumnya :

*Dan Allah tidak menjadikan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT.* ( Surah Adz Dzariyaat, ayat 56)

قُلْ إِن صَّلَاتِي وَنُفْسِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ ۗ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ

وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ ﴿١٦٣﴾

Maafumnya :

*Katakanlah.. Sesungguhnya Sembahyangku, segala Amal Ibadahku, segala Wirid zikirku, segala Ayat-ayat amalan yang aku amalkan, segala Ilmu yang aku pelajari dan berpegang dengannya, seluruh Hidupku dan Matiku Aku serahkan semata-mata hanya kepada (kerana) Allah SWT yang Maha Memiliki dan Maha Mentadbir seluruh sekalian Alam. Tidak sekali-kali aku akan mensyirikanNya , aku tunduk patuh sebagaimana yang diperintahkanNya kerana aku adalah dari golongan orang-orang yang berpegang teguh dengan Agama Islam.*

(Surah Al An'am, ayat 162-163)

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

*Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon segala bentuk pertolongan. (Al-Fatihah ayat 5)*

Maka jadilah kedudukan darjah manusia itu sebagai Hamba Allah yang melaksanakan segala perintahNya, meninggalkan segala laranganNya, menunaikan segala amal ibadah hanya keranaNya maka jadilah dia Khalifah Allah di bumi iaitu seseorang manusia yang mempunyai segala persediaan yang telah dilengkapkan pada dirinya hasil daripada menerima seruan Nabi Muhammad Rasulullah SAW atas makna (Kalimah Taqwa) dan menyampaikan pula seruan itu kepada seluruh umat manusia untuk sampai kepada hakikat tauhid dan Sah l'tiqadnya dan Muafakat pada dirinya zahir dan batin mengikut petunjuk Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW, maka berhaklah dia untuk menerima, memilik, memerintah segala isi kandungan langit dan bumi dengan sempurna atas makna sekaliannya dan jujuk-jujuknya untuk menunaikan amanah Ad-Din atas kurniaan Allah SWT.

Maka segala ilmu dan amalan manusia itu merupakan satu permuafakatan yang mampu menyatukan fahaman dan amalan yang terbit daripada hati, lidah dan anggotanya, sekiranya diterima dan diwarisi Kalimah Taqwa itu secara berhak atas makna mempusakai Amalan Khalifah Wali Agama Islam.

Ini akan menjadi asas fardu ke atas manusia mukallaf lelaki dan perempuan yang ingin berpindah daripada daerah kufur, syirik dan maksiat kepada daerah iman dan taat atau dari daerah tidak baik kepada daerah yang baik dan daerah baik kepada daerah yang lebih baik dengan bimbingan Guru Murabbi yang jelas dan tepat Sanad dan Salasilahnya sehingga sampai kepada Rasulullah SAW.

Inilah satu jalan atau kaedah yang sentiasa dilazimi oleh para aulia'illahissolihin, ulama'-ulama' muhaqqiqin yang ahli pada babnya sebelum melakukan apa-apa kerja buat yang dibangsakan kepada Agama Islam dan mereka tidak terhenti atas mana-mana satu pun susunan amalan, aurad atau langkah dalam menjalani kehidupan sebagai hamba Allah dan mentadbir di atas muka bumi ini sebagai Khalifah Allah SWT.

## **ASAS PEGANGAN ABJAD MALAYSIA**

Pertubuhan ini berpegang kepada Kitab Allah, Sunnah Rasulullah SAW, Ijmak dan Qias dan bersih daripada l'tiqad sesat dalam bab usuluddin sama ada Muktaizilah, Jabariah, Qadariah, Khorijiah, Ta'tiliah, Mutasyabihah dan cabang-cabangnya. Bebas daripada bid'ah dholalah haram dan bid'ah dholalah karohah yang tidak ada asal-usul dalam bab syari'ah dan pecahannya. Bebas dan bersih daripada fahaman-fahaman Marijiah, Auliaiah, Shirun Akhiah, Ibahiah, Haliah, Waqiah, Mutajahiliah, Muktakasiliah, Ilhamiah, Hululiah, Ujudiah yang mulhid (zindiq), Mujasimah dan segala pecahan-pecahannya dalam bab Tasauf (Akhlak).

Pertubuhan ini berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sejati di dalam bab :

1. Tauhid : Aliran Imam Abu Hassan As-Sya'ari dan Abu Mansur Al-Mathuridi.
2. Feqah : Aliran Imam As-Shafie, Maliki, Hambali, Hanafi iaitu salah satu daripadanya.
3. Tasauf : Aliran Imam Junaid, Al-Qusairi, Imam Al-Ghazali, Sya'rani, atau sealiran dengannya.
4. Sufiah : Susunan Tabaqat Sufiah atau kedudukan Aulia' Ma'dudin Sultan Aulia' Syed Syeikh Muhyiddin Abdul Qadir Jealani.

## **ASAS PERGERAKAN ABJAD MALAYSIA**

### **☐ Menentang Lima Perkara**

Mengajak ahli-ahli menentang 5 perkara secara ilmu, lidah, hati dan anggota pada diri, keluarga, masyarakat dan Negara iaitu:

1. Jenis ilmu dan amalan yang ada mubai'ah (perjanjian) yang disertai dengan sumpah yang bertujuan kepada hikmah mencari adat. (Contoh : Aku bersumpah dengan nama Allah SWT, aku tidak akan meninggalkan solat dan sebagainya dalam mengamalkan ilmu ini).
2. Jenis ilmu dan amal yang ada pantang larang yang menepati hukum syarak. (Umpamanya jika tinggalkan solat, ilmu tidak menjadi atau akan memakan diri).
3. Jenis yang berpegang kepada kebesaran ayat, wirid, jampi, doa dan lain-lain yang zahir boleh mendatangkan bekas untuk mendapatkan sesuatu.
4. Jenis latihan yang berada dalam keadaan marah atau dimarahi bagi menzahirkan sesuatu yang mencari adat. (Perlu ada sifat marah atau dimarahi, barulah menjadi hikmah / ilmu yang dipelajari.)
5. Jenis ilmu yang tidak diketahui asal-usul dari mana, di mana dan ke mana halatuju akhirnya. (Contoh: dari buku tanpa guru, tidak diketahui gurunya atau tiada sanad yang sah dan sebagainya).

### **☐ Menegakkan Lima Perkara**

Melatih ahli-ahli menegakkan 5 perkara secara ilmu, lidah, hati dan anggota pada diri, keluarga, masyarakat dan Negara di semua tempat, waktu dan masa.

1. ( ا ) Iman yang teguh serta beradap mukmin.
2. ( س ) Sejahtera diri sebagai mukmin dalam rumahtangga, masyarakat dan Negara.
3. ( ل ) Melazimkan ikhsan pada diri zahir dan batin.
4. ( ا ) Pohon menjadi umat yang diterima oleh Allah SWT di dunia dan akhirat.
5. ( م ) Pohon elok kesudahan mati (husnul khatimah).

## ❑ Melazimkan Lima Perkara

Melatih ahli-ahli melazimkan 5 perkara secara ilmu, lidah, hati dan anggota pada diri, keluarga, masyarakat dan Negara di semua tempat, waktu dan masa.

1. Melazimkan Kafiati Adab sebelum melaksanakan apa-apa kerja buat atau amalan atau latihan pertahanan diri rohani dan jasmani.
2. Melazimkan membaca 30 juzuk Al-Quran atau sekurang-kurangnya satu ayat daripadanya sebagai zikir lidah dan melazimkan solat sunat, puasa sunat dan lain-lain zikir, selawat, tasbih, tahmid, takbir, istighfar, ahzab serta wirid-wirid yang disusun oleh ulama'-ulama' muktabar yang ahli pada babnya.
3. Menghadiri majlis pengajian Agama Islam sama ada dalam bab Feqah, Tauhid /Usuluddin atau Tasawuf dengan rupa mengajar, belajar atau mendengar. Melazimkan muzakarah, mutalaah dan murajaah dengan mereka yang ahli dalam babnya sekiranya ada masalah atau kemusykilan.
4. Melazimkan latihan asas langkah-halulubalang rohani dan jasmani bagi meningkatkan keyakinan dan jati diri.
5. Mengakhiri mana-mana wirid dengan membaca Fatihah Hadiyah sebagai Tabaruk (mengambil berkat) kepada Rasulullah SAW, sahabat-sahabat RA, Auliaillahissolihin, ibu bapa, guru-guru dan arwah muslimin, muslimat, mukminin dan mukminat.

## **DASAR AGAMA ISLAM**

Agama Islam yang sampai kepada kita, yang kita terima dan kita anuti serta beramal dengannya ini, ialah agama samawi iaitu satu-satunya agama (panduan hidup) kepunyaan Allah SWT yang Allah SWT turunkan ke bumi untuk diamalkan oleh penghuni bumi yang terdiri daripada manusia dan Jin.

Lima dasar agama adalah merupakan tonggak atau teras yang menjadi asas kepada pelaksanaannya atau beramal dengannya oleh mereka yang menerimanya. Allah SWT memilih 124 000 atau 240 000 nabi dengan 313 rasul dari kalangan manusia sahaja yang diambil sebagai manusia contoh dalam melaksanakan program Allah SWT ini, bagi manusia-manusia yang bukan terpilih menjadi nabi dan rasul di atas muka bumi ini, mereka menjadi pengikut kepada mereka-mereka yang terpilih dari masa ke semasa hingga hari Kiamat. Manusia terpilih yang pertama adalah Nabi Allah Adam AS dan manusia yang terpilih yang terakhir ialah Nabi Muhammad SAW dan sesetengah daripada kisah-kisah mereka itu beserta 25 rasul ada disebut dengan jelas di dalam Al-Quran.

Di sini, nabi dan rasul itu menjadi contoh panduan dan tauladan dalam perkara mengambil Allah SWT sebagai Al-Wali untuk dipraktikkan dalam hidup dan kehidupan harian melalui lidah, anggota dan hati pada semua tempat, waktu dan masa. Mereka ini maksum (tidak disentuh oleh segala dosa) dan disertakan risalah dan kitab panduan yang didatangkan melalui malaikat mengikut suasana, masa dan keadaan pada zaman nabi atau rasul itu berada.

Sesuatu kekuatan luar biasa yang dinamakan irhas dan mukjizat melalui lidah mereka, gerak anggota mereka atau hati mereka adalah sebagai bukti dan hujah untuk mematkan hujah-hujah yang didatangkan oleh mereka yang mengambil toghut sebagai wali dalam hidup dan kehidupan mereka.

Golongan manusia biasa yang sudah menukar dari toghut sebagai wali kepada mengambil Allah SWT sebagai Al-Wali sepertimana yang diajar dan ditunjuk oleh nabi dan rasul ialah mereka yang melatih diri untuk keluar daripada dosa besar dan dosa kecil melalui lidah, hati dan anggota pada semua tempat, waktu dan masa, sentiasa menjaga diri supaya tidak terjebak dan terjatuh semula di dalam perkara dosa-dosa besar atau kecil, paling kurang segera bertaubat dengan taubat nasuha jika ditakdirkan

terjatuh dalam perkara dosa. Mereka ini akan dikurniakan karomah dan ma'unah oleh Allah SWT untuk mematikan hujah yang datang dari golongan toghut.

Lima dasar agama seperti yang disebutkan di atas adalah :

**Dasar agama itu ialah :**

1. Aqidah.
2. Syariat.
3. Akhlak.
4. Pengorbanan diri.
5. Pengorbanan harta.

**1. Dasar aqidah ialah :**

- i. Beriman kepada Allah SWT.
- ii. Beriman kepada Malaikat.
- iii. Beriman kepada Rasul.
- iv. Beriman kepada Kitab.
- v. Beriman kepada Hari Qiamat.
- vi. Beriman kepada Qada' dan Qadar.

**2. Dasar syariat ialah :**

- i. Mengucap Dua Kalimah Syahadah dengan niat memfardhukan Agama Islam pada diri, rohani dan jasmani.
- ii. Solat lima waktu.
- iii. Puasa di bulan Ramadhan.
- iv. Mengeluarkan zakat.
- v. Mengerjakan haji bagi mereka yang berkeupayaan.

**3. Dasar akhlak ialah :**

- i. Beramal ibadah atau mengabdikan diri dan meminta tolong hanya kepada Allah SWT seumpama melihat Allah SWT.
- ii. Beramal ibadah atau mengabdikan diri dan meminta tolong hanya kepada Allah SWT dengan faham bahawa Allah SWT melihatnya dalam semua masa dan keadaan.

4. **Dasar pengorbanan diri.**            5. **Pengorbanan harta ( Jihad ) ialah :**  
i. Sanggup menerima    ii. Sanggup melaksana    iii. Sanggup memikul beban

**Tujuan dasar pelaksanaan ini adalah untuk :**

- a. Menjaga kesucian Agama Islam.
- b. Menjaga maruah diri orang Islam.
- c. Menjaga maruah keluarga dan keturunan umat Islam.
- d. Menjaga harta umat Islam.
- e. Menjaga bangsa dan Negara umat Islam.

**UBUDIYAH DAN MINTA TOLONG**

'Ubudiyah dan Minta Tolong' boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu :

**1. Hadap Hadapan Serta Hadap Dirinya Kepada Allah SWT.**

Maksud Ubudiyah dan minta tolong hanya kepada Allah SWT itu ialah manusia yang hadap hadapan serta hadap dirinya hanya kepada Allah SWT dengan menjaga lidah, anggota dan hati daripada berulang kembali terjebak atau terjatuh dalam maksiat setelah mengisytihar diri keluar daripadanya dan berazam selama-lamanya dengan jazam yang putus, kekal berada dalam iman dan taat seperti yang dilaksanakan oleh nabi-nabi dan rasul-rasul alaihimussolatuwassalam.

Manusia biasa yang berazam dan mengisytiharkan diri untuk kekal dalam iman dan taat selama-lamanya ialah manusia sama ada lelaki atau perempuan dari kalangan bangsa atau keturunan mana sekalipun ialah mereka yang menjaga lidah, menjaga anggota, menjaga hati daripada berulang kembali terjatuh ke dalam perkara-perkara yang melibatkan kufur, syirik, murtad, munafiq, maksiat, dosa-dosa besar dan dosa-dosa kecil. Jika ditakdirkan terjatuh dalam perkara yang melibatkan dosa, mereka akan segera bertaubat dengan taubat nasuha. Pada diri mereka yang seumpama inilah, Allah zahirkan sepertimana yang Allah pakaikan kepada nabi dan rasul bagi mematikan hujah-hujah yang datang daripada kalangan mereka yang masih kekal atau separuh kekal mengambil toghut sebagai wali. Kurniaan inilah yang dinamakan karomah dan ma'unah.



2. **Ubudiyah Dan Minta Tolong Kepada Benda Pula Terbahagi Kepada Tiga Golongan Iaitu :**

a. **Menghadapkan Dirinya Kepada Allah SWT Dan Menghadap Hadapan Kepada Benda.**

Manusia yang menghadapkan dirinya kepada Allah SWT dan menghadap hadapan kepada benda dalam ubudiyah dan minta tolong. Mereka ialah orang Islam yang zalim atau fasik daripada golongan 'ahli agama' atau orang-orang yang beramal dengan amalan yang baik (soleh) kerana mereka terjebak dengan kehendak nafsu dan suatu kefahaman yang dinamakan Tahsinul Aqli (mengikut kebijaksanaan pemikiran semata-mata).

b. **Menghadapkan Dirinya Kepada Benda Dan Menghadap Hadapan Kepada Allah SWT.**

Manusia-manusia yang menghadapkan dirinya kepada benda dan menghadap hadapan kepada Allah SWT dalam ubudiyah dan minta tolong. Golongan ini ialah orang-orang Islam yang sudah jatuh murtad atau yang mencampur adukkan perkara baik dan jahat dalam satu masa (munafik) kerana disebabkan oleh :

- I. Jahil Murakab.
- II. Jahil Basit.
- III. Ikut membabi buta.
- IV. Berpegang kepada hukum adat semata-mata.
- V. Hululliah (mengi'tiqad zat Allah SWT wujud dalam alam ini menyerupai suatu daripada alam).
- VI. Wahdatul Wujud Mazmumah dalam i'tiqad (mengi'tiqad zat Allah SWT wujud dalam dirinya dan bersatu dalam rohnya), dikala itu gugur semua taklif syarak daripadanya.
- VII. Mengi'tiqad roh nabi-nabi, roh wali-wali atau roh malaikat menjelma masuk ke dalam badan manusia (Tanasikhul Arwah).
- VIII. Jahil kaedah bahasa Arab atau kurang cermat di dalam menghuraikan Al-Quran, hadis atau perkataan ulama'.

c. **Menghadap Dirinya Dan Menghadap Hadapan Kepada Benda.**

Manusia-manusia yang menghadap dirinya dan menghadap hadapan kepada benda dalam ubudiyah dan minta tolong, golongan ini ialah orang kafir dan zindik iaitu Majusi, Buddha, Yahudi, Kristian, Ateis, murtad dan lain-lain seumpamanya. Pada diri mereka ini, Allah SWT zahirkan perkara-perkara yang luar biasa yang dinamakan sihir, silap mata, ihanah dan syakwazah yang mana perkara-perkara luar biasa itu ada hubung kait dengan melaksanakan perkara-perkara yang haram dan melanggar hukum syarak.

Untuk mengelakkan orang-orang Islam daripada terjebak dengan perkara-perkara yang membatalkan dasar Agama Islam dalam ubudiyah dan minta tolong seperti semua golongan manusia tersebut di atas, **maka pertubuhan ini** mengajak ahli-ahlinya dan mereka-mereka yang menyertainya daripada semua lapisan masyarakat melatih diri supaya kekal dalam iman dan taat dengan mengambil Allah SWT sebagai Al-Wali dalam ubudiyah dan minta tolong. Serentak dengan itu, menolak sejauh-jauhnya segala perbuatan yang jatuh kepada kufur, syirik, maksiat dan murtad yang mana golongan itu mengambil toghut sebagai wali dalam ubudiyah dan minta tolong melalui lidah, hati dan anggota sama ada dalam Ilmu mempertahankan diri, persilatan, kebatinan, kerohanian, perubatan dan lain-lainnya begitu juga walau di atas apa juga bentuk amalan wirid, zikir, jampian, doa dan sebagainya.

Sebesar-besar wirid, jampi dan doa itu adalah :

- I. Membaca Al-Quran.
- II. Sembahyang Sunat.
- III. Puasa Sunat.
- IV. Selawat.
- V. Dan lain-lain wirid atau doa yang diambil daripada Al-Quran atau daripada hadis-hadis nabi atau yang disusun oleh ulama'-ulama' yang ahli pada babnya dalam kitab karangan mereka.

Ulama'-ulama' atau manusia yang alim dalam ilmu dan amal serta beramal dengannya ialah mereka yang memiliki iman dan taat sepertimana yang ada pada diri nabi-nabi dan rasul-rasul alaihimussolatuwassalam. Oleh itu mereka tidak sekali-kali akan mengajar murid-muridnya atau mengajak ahli-ahlinya kepada kufur, syirik dan maksiat. Apa juga wirid dan doa yang disusun oleh mereka, walaupun tidak diketahui bahasa dan maknanya umpama bahasa Siryani dan Ibrani sah di amalkan.

Manakala orang-orang zalim, fasik, munafik, murtad, dan kafir ialah mereka-mereka yang sedang berada atau kekal berada dalam kufur, syirik dan maksiat. Oleh itu, apa juga susunan amalan, wirid, jampian, doa dan lain-lain yang diajar oleh mereka atau apa-apa langkah, latihan pertahanan diri, kebatinan, perubatan dan lain-lain yang dilatih oleh mereka sudah tentulah berada dalam ubudiyah dan minta tolong pada benda, kerana mereka mengambil toghut sebagai wali. Mereka akan mengajak manusia-manusia lain untuk sama-sama memiliki sepertimana yang ada pada diri mereka atau sepertimana yang mereka fahami dan yakini.

Oleh itu, marilah kita sama-sama mengambil Allah SWT sebagai Al-Wali dalam ilmu dan amalan kita dalam melaksanakan dasar agama; Iman, Islam, Ikhsan dan berjihadlah dengan diri dan harta kita hanya kepada Allah SWT semata-mata dengan kadar segera sebelum Allah SWT mengisytihar ke atas diri kita muflis dan dilelong.

## SEJARAH

ABJAD MALAYSIA terhasil daripada satu muzakarah oleh beberapa orang tokoh ulama' tempatan yang ahli pada babnya iaitu :

1. Tuan Guru Sheikh Mahmood Nasri Al-Othmani  
Madrasah Misbah As-Salam, Lanai.
2. Tuan Guru Sheikh Othman Yunusi  
Madrasah An-Nahdhoh, Bukit Besar.
3. Tuan Guru Sheikh Omar Zuhdi Soleh  
Madrasah Misbah Al-Falah, Banggol Berangan.
4. Tuan Guru Sheikh Abdul Aziz Ibrahim  
Madrasah Al-Islah, Pendang.
5. Tuan Guru Sheikh Ramli Senik  
Madrasah Batu Hampar, Pendang.

Semasa berlaku peristiwa 13 Mei 1969, umat Islam telah hilang pedoman pertahanan diri yang berdasarkan pegangan agama menyebabkan mereka meraba-raba mencari tumpuan dalam kehidupan bagi menghadapi kegawatan yang tercetus hasil daripada percaturan puak dan perkauman pada masa itu. Maka dalam kegawatan itu lahirlah bermacam-macam ragam manusia yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan dunia, sehingga mereka mengadakan demonstrasi mempamerkan kehebatan kebatinan masing-masing bagi mempertahankan diri, keluarga, harta dan tanahair, mencipta pendinding, penunduk, pagar, ghaib, pelaris dan lain-lain lagi serta mereka-reka bermacam jenis amalan wirid, jampian, zikir, doa, tangkal, selendang, azimat dan sebagainya bagi tujuan untuk bermegah, kuat, kebal, gagah, kahaq, ajaib dan berbagai-bagai lagi pekerjaan khurafat yang ada syarat amalan dan pantang larang yang jatuh kepada Kufur, Syirik, Murtad, Munafik dan sebagainya dalam kalangan umat Melayu Islam dan akhirnya timbul berbagai-bagai kumpulan serta kelompok yang dengan sengaja atau tidak sengaja untuk mempertahankan kedudukan masing-masing yang tanpa disedari telah merosakkan Aqidah, Syariat, Akhlak, Pengorbanan Diri dan Pengorbanan Harta umat Islam dan telah memecah-belahkan perpaduan dan kerja buat umat Melayu Islam berdasarkan kepentingan masing-masing, pada ketika itu ramailah umat Melayu Islam telah terjebak dengan berbagai-bagai ajaran yang sesat lagi menyesatkan kerana tidak ada muafakat dengan asal usul Agama Islam yang mengikut ilmu dan

amalan Khalifatullah berdasarkan kepada Kitabullah dan Sunnaterrasul yang dituntut dalam Ajaran Islam.

Hasil pertemuan muzakarah tersebut, maka keseluruhannya umat Melayu Islam hendaklah kembali kepada dasarnya iaitu perlu ditajdid semula segala ilmu dan amalan dalam hidup dan kehidupan secara Talaqqi kepada Guru yang tidak putus salasilah kepada Guru Murabbi yang sampai kepada Nabi Muhammad Rasulullah SAW, yang nescaya sampai kepada Allah SWT atas nama Pusaka Khalifah Wali Agama Islam. Maka amat perlu untuk menyempurnakan segala kehendak naluri dan hajat untuk mendapat kemenangan secara mutlak dan berhak iaitu mesti menerima seruan Nabi Muhammad SAW kerana Allah SWT memberi hak kepada Rasulullah SAW sahaja untuk memulakan kehidupan dunia dengan Kalimah Tauhid yang menjadi tugas Rasul itu menyampaikan seruan agama tauhid kepada seluruh umat manusia.

Maka kata pengakuan itu ialah Mengaqad Kalimah Tauhid Syahadah dengan niat Memfardhukan Agama Islam pada diri rohani dan jasmani atas makna sekeliannya dan juzuk-juzuknya di lidah, membenarkan bersungguh-sungguh tanpa syak, zhon dan waham di dalam hati dan dilaksanakan dengan seluruh anggota jawareh semata-mata kerana Allah SWT.

Apabila kalimah ini diwarisi secara mutlak dan berhak, maka akan lahirlah pada diri orang yang menerimanya itu teguh cita-cita dan segala ikhtiar usahanya akan menjadi tanda menerima dan melaksana segala kebaikan dan kebajikan kerana Allah SWT dan menolak segala rupa bentuk kejahatan dan kemungkaran zahir dan batin kerana Allah SWT pada semua tempat, waktu dan masa selama-lamanya sehingga akhir hayat.

Kata Tuan Guru Al-Faqir Sheikh Mahmood Nasri Al-Othmani

(Pengasas ABJAD MALAYSIA)

[Mudah-mudahan diampunkan oleh Allah SWT baginya dan bagi kedua-dua ibu bapanya, guru-gurunya, murid-muridnya dan sekalian muslimin, muslimat, mukminin dan mukminat yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia]

*“ Dan inilah pegangan yang teguh yang terlebih kuat dan terlebih takut akan Allah SWT, sesungguhnya bermula dari menerima seruan Nabi Muhammad SAW yang dihimpun akan dia daripada beberapa ulama` muktabar yang ahli pada babnya, dan diambil daripada kebun-kebun buah-buahan yang diinginkan dan permata yang megah daripada lautan yang luas yang datang dengan hidayah Allah SWT iaitu amalan hidup yang sebenar dan elok cerita ketetapan petunjuk yang diam di hati orang-orang mukmin mengandungi iktiqad Ahli Sunnah Wal Jamaah, Aku mewarisi daripada guru aku Syeikh Muhammad Yusuf Bin Ahmad Kenali Kelantan PUSAKA KHALIFAH WALI AGAMA ISLAM amalan untuk mencapai darjah khalifatullah atas kurnia Allah SWT untuk melayakkan memilik memerintah segala isi kandungan langit dan bumi, laut dan darat dengan sempurna dan yang ada permuafakatan atas segala-galanya yang terhimpun akan ia atas segala perkara yang berkaitan dengan muamalah dalam Agama Islam berpakaian ‘Muhyiddin’ dan aku nama akan dia dengan nama ABJAD pada rahsia hurufnya.....”*

*“ Kerana rahsia huruf Alif, Ba, Jim, Dal itu perlu diketahui oleh mereka yang ingin berpindah dari daerah kufur dan maksiat kepada daerah iman dan taat atau daripada daerah yang jahat kepada daerah baik dan dari daerah baik kepada daerah yang lebih baik iaitu tangga pertama bagi segala kaedah ilmu dan amalan pertahanan Agama, diri, keturunan, harta benda dan tanahair.”*

## PENGASAS ABJAD

Sheikh Mahmud Nasri Othmani dilahirkan di Kampung Alor Besar, Kota Sarang Semut, Kedah pada 13 Safar 1316 Hijrah bersamaan 14 Julai 1898 Masihi, kembali ke rahmatullah pada 28 Safar 1400 Hijrah bersamaan 16 Januari 1980 Masihi. Dilahirkan dan kembali ke rahmatullah pada hari Rabu. Bapanya Haji Othman Bin Haji Senik Bin Haji Wan Hashim Bin Wan Abdul Wahab yang dikenali gelaran Tok Nik Had (Tok Mekong Awang Hitam) iaitu pangkat hulubalang kerajaan Islam Fathani Darul Salam. Mati syahid dipancung oleh tentera kuffar Siam ketika sedang solat dalam medan perang kerana mempertahankan kerajaan Islam Fathani Darul Salam pada tahun 1730 Masihi mengikut catatan dalam sejarahnya.

### PENDIDIKAN

Permulaan mendapat didikan agama daripada kedua-dua ibu bapanya, kemudian mengikuti pengajian kepada guru-guru yang berikut :

1. Pak Ngah Idris Al-Fathani-mengaji Al-Quran serta ilmu asas fardu ain dan bahasa Arab.
2. Tuan Guru Sheikh Ismail@Tok Sheikh Cik Dol, Pondok Gajah Mati, Pendang, Kedah.
3. Tuan Guru Haji Yaakob Itam- Pondok Kemelong, Sik, Kedah.
4. Tuan Guru Sheikh Wan Ahmad bin Sheikh Wan Abdul Halim.  
(Tok Padang Jelapang Pondok Padang Jelapang / Pondok Pasir Mas Salor, Kelantan)
5. Tuan Guru Sheikh Abdul Rahman Al-Fathani- Pondok Sheikh Ahmad Mohd Zain Atas Banggol Kota Bharu, Kelantan.
6. Tuan Guru Sheikh Mohammad Taib bin Sheikh Abdul Rahman Jabat  
(Tok Tama) Pondok Jalan Salor Pasir Mas, Kota Bharu, Kelantan.
7. Tuan Guru Sheikh Mohamad Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali) Kelantan.

# SANAD SALASILAH

SAYYIDATINA FATIMAH DAN SAYYIDINA ALI ABI TALIB KARAMALLAHUWAJHAH

Sayyidina Hasan As-Sibti  
Sayyidina Hasan Al-Mutsanna  
Sayyidina Abdullah Al-Mahdi  
Sayyidina Musa Al-Juun  
Sayyidina Abdullah At-Tsani  
Sayyidina Musa At-Tsani  
Sayyidina Daud  
Sayyidina Muhammad  
Sayyidina Yahya As-Syahid  
Sayyidina Abdillah  
Sayyidina Abi Salleh Janki Dausat

Sayyidina Husain As-Syahid  
Sayyidina Zainol Abidin  
Sayyidina Muhammad Al-Baqir  
Sayyidina Jaafar As-Sadiq  
Sayyidina Musa Al-Kazim  
Sayyidina Ali Ar-Ridha  
Sayyidina Zainal Abidin Muhd Al-Jawwab  
Sayyidina Kamalidin Isa  
Sayyidina Abil Atho' Abdillah  
Sayyidina Thohir  
Sayyidina Mahmuud  
Sayyidina Abi Jamaluddin  
Sayyidina Abdillah As-Shama'i  
Sayyidatina Syarifah Fatimah

Sayyidina Wa Maulana Sheikh Abdul Qadir Jilani Qadasallah Sirrah As-Siddiqun  
Al-Ghawtsi A'zom Qutubul Zaman Qa Iman Bi Amri Rahman Muhyiddin Sultan  
Aulia Ma'dudin ( dan Ahli An-Naubah )

Al-A'lamah Sheikh Ali Abdullah kepada Al-A'lamah Sheikh Muhammad kepada Al-A'lamah Sheikh Yahya kepada Al-A'lamah Sheikh Zakaria kepada Al-A'lamah Sheikh Muhammad kepada Al-A'lamah Sheikh Ahmad kepada Al-A'lamah Sheikh Ali kepada Al-A'lamah Sheikh Abdul Qadir kepada Al-A'lamah Sheikh Zaini Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Ahmad Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Muhammad kepada Al-A'lamah Sheikh Mustaffa kepada Al-A'lamah Sheikh Faris kepada Al-A'lamah Sheikh Athaya Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Uthman Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Abdullah Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Muhammad kepada Al-A'lamah Sheikh Abdul Rahman kepada Al-A'lamah Ni'matullah kepada Al-A'lamah Sheikh Uthman Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Ahmad Dahlan kepada Al-A'lamah Sayyidi Syeikh Ahmad Zaini Dahlan kepada Al-A'lamah Sheikh Wan Ahmad Bin Wan Muhammad Zain Al-Fathani kepada Al-A'lamah Sheikh Muhammad Yusuf Ahmad Kenali Al-Kelantani kepada Al-A'lamah Sheikh Mahmud Nasri Othmani Kedahi kepada Al-A'lamah Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad Bin Haji Che Din.



# WASIAT GURU

Banyak Barang Tiruan Dalam Pasaran  
Barang Asli Dalam Rumah Ahli  
Dapat Beza Dalam Majlis Tandingan  
Datang Benar Hancur Binasa Yang Batal  
Benar Tetap Benar, Batal Tetap Batal  
Datanglah Kepada Kami Jika Mahu Barang Asli  
Tidak Menjadi Korban Kepada Pengorbanan  
Tidak Dimahkota Pahlawan

# **PANDUAN MENGENAL PASTI AJARAN SERTA FAHAMAN SESAT PENGAMALNYA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DAN BAGAIMANA IA MEROSAKKAN AQIDAH, FIZIKAL, MENTAL DAN KEHIDUPAN UMAT ISLAM**

## **FASA 1**

### **MAKSUD AJARAN SESAT**

Ilmu dan amalan yang menyesatkan **Aqidah, Syariat dan Akhlak** seseorang Islam melalui **lidah, anggota dan hatinya di semua tempat, waktu dan masa.**

Asas Seseorang Menjadi Kufur Atau Murtad Dan Bidaah Dholalah ialah :

(1) Jahil Murakab

(2) Jahil Basit

(3) Rabtul A'di

- Iaitu bepegang teguh pada hukum adat dalam hidup dan kehidupan dengan menolak Hukum Syarak(Taklif) dan Hukum Akal.
- Hukum Syarak(Taklif) itu ada 5, iaitu :
  - i. Wajib
  - ii. Haram
  - iii. Sunat
  - iv. Makruh
  - v. Harus
- Tiap-tiap Hukum Syarak(Taklif) itu ditentukan oleh 5 Hukum Wadhoi untuk membolehkan seseorang itu berada padanya, iaitu :
  - i. Syarat
  - ii. Sebab
  - iii. Mani'
  - iv. Sah
  - v. Batal
- Hukum Akal itu ada 3 :
  - i. Wajib
  - ii. Mustahil
  - iii. Harus

(4) Taqlidul Rad'di

Ikut membabi buta tanpa merujuk kepada Hukum Syarak dan Hukum Akal serta kepada ulama'-ulama' yang ahli pada babnya, faham dan beramal dengan ilmunya.

(5) Tahsinul Aqli

Mengikut kebijaksanaan pemikiran, menolak hujah Al-Quran, Hadis, Ijmak Ulama dan Qias dalam Aqidah, Syariat dan Akhlak.

(6) Hululliah

Mengi'tikad zat Allah SWT itu menjelma di dalam alam, menyerupai sesuatu daripada alam zahir dan batinnya, umpamanya l'tikad Yahudi iaitu zat Allah SWT menjelma dalam alam menyerupai nabi Allah Uzair AS dan l'tikad Kristian yang zat Allah SWT menjelma dalam alam menyerupai Mariam dan Nabi Isa AS.

(7) Tanasikhul Arwah

Mengi'tiqad zat nabi-nabi, wali-wali atau malaikat menjelma masuk ke dalam diri seseorang dan orang yang mendapat penjelmaan itu boleh menzahirkan beberapa kelebihan yang menyalahi kebiasaan bagi membuktikan kebenarannya.

**Peringatan :**

*Tidak ada nas Al-Quran, Hadis, hujah Ulama' atau Qias, yang menyatakan roh nabi-nabi, wali-wali atau malaikat diizinkan Allah SWT menjelma masuk ke dalam diri seseorang. Hanya yang ada ialah roh jin yang mempernamakan dirinya sebagai roh nabi, wali atau malaikat kerana menipu daya manusia untuk terjun dalam sesat Aqidah, Syariat dan Akhlak dalam Islam.*

(8) l'tiqad Wahdatul Wujud

Mengi'tikad zat Allah SWT menjelma pada mana-mana tempat dalam diri dan bersatu dengan roh, sehingga pada masa itu orang itu mengaku Tuhan. Meninggalkan segala amalan syariat, menghalalkan yang haram dan terangkat segala taklif syarak pada dirinya, umpamanya nikah batin, sembahyang, puasa, haji dengan niat dan lain-lain.

(9) Menghuraikan Al-Quran, Hadis dan Kitab-kitab ulama' dengan jahil kaedah Bahasa Arab atau tidak memasuki mana-mana majlis pengajian atau tidak mengambil daripada mereka yang mahir Bahasa Arab lagi alim serta beramal dengan ilmunya.

(10) Mereka yang berilmu pengetahuan tinggi tetapi kurang cermat mentafsir Ayat Al-Quran, Hadis atau kitab-kitab ulama' kerana ada pada naluri mereka kepentingan diri dan duniawi.

## FASA 2

Tanda-tanda suatu amalan dan orang yang beramal itu berada dalam sesat Aqidah, Syariat dan Akhlak :

- (1) Ada perjanjian yang disertakan dengan sumpah bagi memaksa diri seseorang itu beramal dengan segala yang baik (Wajib, Sunat & Harus) dan meninggalkan segala yang jahat (Haram & Makruh).
- (2) Patuh Pada Perjanjian :
  - (a) Patuh kepada janji yang sama dengan Hukum Syarak, samada yang Wajib, Sunat, Haram, Makruh atau Harus bagi mendapatkan sesuatu yang menyalahi kebiasaan.
  - (b) Patuh kepada perjanjian yang Harus dalam Syarak bagi mendapatkan sesuatu yang menyalahi kebiasaan yang dinamakan pantang larang.
  - (c) Patuh dalam perjanjian yang Haram dalam Hukum Syarak.
- (3) Jenis-jenis latihan yang ada sifat marah atau dimarahi bagi menzahirkan perkara-perkara yang menyalahi kebiasaan.
- (4) Mengi'tikad segala wirid, jampi dan doa boleh menghasilkan sesuatu yang dihajati (berada dalam Syak, Zon dan Waham di dalam Aqidah) kepada Allah SWT.
- (5) Amalan yang tidak diketahui asal-usulnya. Paling kurang amalannya hendaklah sampai kepada ulama'-ulama' muktabar yang ahli pada babnya dan dipercayai akan kebenaran ilmu dan amalannya.

### **FASA 3**

Perkara-perkara yang menyalahi kebiasaan yang baik (yang dipuji oleh syarak)

- Perkara yang dizahirkan oleh manusia pilihan yang khusus iaitu manusia yang maksum daripada segala dosa :
  - (a) Irhas  
Perkara yang menarik adat yang Allah SWT zahirkan kepada nabi-nabi pada masa kecil, sebagai tanda atau bukti ia akan diangkat oleh Allah SWT menjadi Nabi lagi Rasul membawa Risalah Ketuhanan setelah ia dewasa.
  - (b) Mukjizat  
Perkara yang luar biasa yang Allah SWT zahirkan kepada nabi-nabi dan rasul-rasul yang membawa Risalah Ketuhanan untuk dirinya atau disampaikan kepada manusia pada zamannya. Pangkat Iman, Islam dan Ikhsan mereka ini sentiasa bertambah tinggi tiada berkurangan sama sekali.

### **FASA 4**

Perkara-perkara yang menyalahi kebiasaan yang Allah SWT zahirkan kepada manusia umum selagi tidak berlaku qiamat.

- (1) Jenis yang baik (iaitu Ma'unah dan Karomah)
- (2) Jenis yang jahat iaitu Istidraj (sihir peringkat tinggi, sihir peringkat pertengahan dan sihir peringkat rendah).

#### **A. MA'UNAH**

Golongan manusia yang asalnya Kafir, Munafik, Zalim dan Fasiq.

- (i) Mengambil Ilmu dan Amal daripada Nabi-nabi dan Rasul-rasul pada zamannya serta melatih diri beramal dengan ilmu itu untuk terjun dalam medan Jihad dengan diri dan harta bagi menjaga dan memelihara maruah Agama Islam, maruah diri dan keturunan yang beragama, menjaga harta dan menjaga tanahair. Mereka melatih diri keluar daripada segala Syirik Rububiyah dan Syirik Uluhiyah, Syirik Jali dan Syirik Khafi, segala dosa besar dan dosa kecil, zahir dan batin kerana :

- i. Rasa gerun dan takut yang sungguh pada diri zahir dan batin akan segala seksaan Allah SWT yang bakal diterima semasa Sakaratulmaut, semasa di dalam Kubur, semasa di Padang Mahsyar dan seksaan di dalam neraka.
  - ii. Rasa rindu yang amat sangat dengan syurga dan segala nikmat yang dijanjikan oleh Allah SWT, sebagai balasan kepada orang yang baik dan sentiasa bertambah baik Iman, Syariat dan Akhlaknya di semua tempat, waktu dan masa seolah-olah syurga dan segala nikmatNya itu nampak pada mata zahir dan seolah-olah sudah merasainya semasa berada di dunia ini lagi. Lebih-lebih lagi pada masa hampir mati, pada masa Sakaratulmaut, semasa di Alam Kubur, semasa di Yaumul Mahsyar dan masuk syurga betul-betul dengan roh dan jasad tanpa hisab dan tanpa melalui Titian Siraj.
- (ii) Golongan ini juga ialah mereka-mereka yang mengambil Ilmu dan Amalan dari mereka yang mengambil Ilmu dan Amalan daripada Nabi dan Rasul atau golongan manusia yang mengambil Ilmu dan Amalan dari mereka-mereka yang akhirnya daripada Nabi lagi Rasul. Sekiranya mereka ini sudah bersih daripada dosa-dosa besar dan masih terjebak dengan dosa-dosa kecil tetapi segera bertaubat dengan taubat yang Nasuha, maka perkara luar biasa yang Allah SWT menzahirkan melalui lidah, anggota dan hati mereka ini dipanggil Ma'unah, sebagai satu pakaian atau tanda dari Allah SWT bahawa mereka ini diangkat menjadi kekasihNya sekiranya mereka sanggup memelihara diri mereka dari terjebak ke dalam dosa besar dan dosa kecil selama-lamanya.

## B. AHLI KAROMAH

laitu golongan manusia Ahli Ma'unah yang mengenali Allah SWT dengan sebenar-benarnya melalui mata zahir dan mata hati yang Allah SWT kurniakan padanya dan dirinya itu hamba Allah SWT yang sampai pada Maqam Yakin yang sempurna yang sentiasa bertambah tinggi darjah yakinnya itu, sehingga tidak dapat digambarkan dalam bentuk tulisan, perasaan dan perkataan dan sentiasa pada setiap waktu dan masa menjaga dan memelihara dirinya zahir dan batin daripada terjebak ke dalam dosa besar dan dosa kecil melalui ilmu dan amalannya dalam Aqidah, Syariat, Akhlak, pengorbanan diri dan pengorbanan harta di semua tempat, waktu dan masa selama-lamanya. Mereka ini adalah pewaris Nabi-nabi dan Rasul-rasul pada zaman masing-masing dalam bab ilmu dan amalan serta menjadi Uswatun Hasanah kepada manusia.

## FASA 5

### **Perkara-perkara yang menyalahi kebiasaan yang menjadi salah dan sesat dalam Aqidah, Syariat dan Akhlak.**

Manusia-manusia yang menjadi pengamal dalam kategori ini;

- (i) Golongan ulama' dan orang-orang soleh yang pura-pura.
- (ii) Golongan orang fasiq, zalim, munafik, murtad dan kafir.

Mereka ini mengambil ilmu dan amalan:

- (a) Daripada kitab-kitab tanpa merujuk kepada Guru yang ahli pada babnya.
- (b) Daripada orang-orang yang terputus salasilahnya oleh sebab jahat adabnya.
- (c) Dalam mimpi atau menyusun sendiri kalimah-kalimah jampi serapah dan mentera atau mengadakan segala bentuk rupa pemujaan bagi tujuan disanjung, dipuji, dihormati dan digelar sebagai:
  - (i) Maha Jaguh, Bapa Jaguh, Tok Jaguh.
  - (ii) Maha Guru, Bapa Guru, Tok Guru, Pak Kiayi.
  - (iii) Raja, Panglima, Pendekar, Hulubalang, Tok Pawang, Tok Keramat, Tok Bomoh, Tok Dukun, Tok Mudim, Mak Bidan, Mak Andam dan lain-lain lagi.

### **( ISTIDRAJ ) SIHIR PERINGKAT TINGGI YANG SEOLAH-OLAH NAMPAK SEPERTI MA'UNAH DAN KAROMAH PADA SEKALI IMBAS PANDANG**

Golongan ini adalah ulama'-ulama' dan orang-orang soleh yang mengambil ilmu dan amalan bagi mendapat sesuatu yang luar dari kebiasaan :

- (i) daripada buku-buku atau kitab-kitab tanpa merujuk kepada Guru yang ahli pada babnya.
- (ii) daripada orang yang terputus salasilah ilmu dan amalannya dengan ulama' yang muktabar yang di atasnya oleh sebab jahat adabnya.
- (iii) mengambil daripada dalam mimpi, pertapaan atau orang-orang yang bertapa dengan tujuan seperti yang tersebut di atas.

Bagi orang-orang yang tersebut di atas, Allah SWT akan menghantar kepada mereka jin-jin Islam yang soleh dan alim seumpama mereka itu. Jin-jin ini datang sama ada

dalam mimpi atau dalam jaga dengan mengaku diri sebagai nabi, wali, orang-orang soleh atau malaikat untuk mengajar ilmu atau amalan bagi menolong dalam segala kerjanya. Jin-jin yang datang dalam mimpi atau jaga untuk mengajar ilmu atau amalan bagi melakukan sesuatu yang luar dari kebiasaan akan (tidak dapat tidak) menetapkan syarat untuk diterima sebagai taulan, rakan, sahabat atau khadam dalam semua kerja dan kemahuannya melalui lidah, anggota dan hati.

Bagi meyakinkan Ulama'-ulama' dan orang Soleh dengan apa yang dilaksanakan itu benar, maka segala syarat yang diberikan akan sama dengan hukum syarak. Setelah menerima syarat tersebut dan beramal dengan ilmu yang diberi, maka nyatalah pada diri ulama' atau orang soleh tersebut segala rupa bentuk perkara yang menyalahi kebiasaan yang nampak pada zahirnya hampir sama dengan Ma'unah dan Karomah. Mula dari saat penerimaan syarat tersebut, ulama' atau orang soleh itu telah mencampakkan dirinya ke dalam Syirik Uluhiyah (Murtad), dalam segala rupa bentuk amalan Syariatnya selagi ia patuh dan tunduk kepada syarat tersebut.

*Nota : Jika sebenarnya nabi-nabi, wali-wali atau malaikat yang datang sebagai utusan Allah SWT pada diri orang-orang itu dalam mimpi atau jaga, maka apa yang diisyaratkan atau diucapkan oleh nabi, wali atau malaikat yang datang itu kepadanya, nescaya Allah SWT akan zahirkan ke atas dirinya seperti yang diisyaratkan atau diucapkan itu. Maksudnya, diri orang yang menerima kunjungan itu akan berada seperti yang diisyaratkan atau diucapkan tanpa apa-apa syarat yang dikenakan.*

### **( ISTIDRAJ ) SIHIR PERINGKAT PERTENGAHAN**

Golongan orang Islam yang fasiq, zalim dan munafik mengambil ilmu dan amalan daripada Ulama'-ulama' dan orang Soleh yang bersahabat dengan jin, yang patuh kepada syarat yang sama dengan hukum syarak. Golongan ulama' dan orang soleh begini akan menurunkan ilmu dan akan meletakkan syarat yang sama seperti mana ia terima daripada sahabat jinnya, dan dinamakan kepada muridnya sebagai pantang larang.



Apabila si murid itu mengaku menerima ilmu dan amalan dengan segala pantang larangnya maka Syirik Uluhiyah yang ada pada ulama atau orang soleh itu turun pula pada si murid yang akan duduk beramal dengan dirinya berada dalam keadaan murtad. Di kala itu si murid akan didatangi jin-jin Islam yang fasiq atau kafir dalam tidur atau jaga dengan mengaku sebagai nabi, wali, orang-orang soleh atau malaikat dan meletakkan syarat yang harus dalam hukum syarak bagi bersahabat dan berkawan dalam semua kerja buatnya.

Diantara syarat-syarat yang harus dalam hukum syarak :

- (a) Syarat dalam bentuk hidangan makanan dan minuman seperti pulut putih atau kuning, ayam panggang, bubur warna, bertih dan sebagainya.
- (b) Dalam bentuk pakaian berwarna kuning, hijau, hitam atau merah, cincin, wafak, azimat, gelang, tangkal, mahkota, selendang dan sebagainya.
- (c) Alat-alat senjata seperti keris, pedang, lembing dan lain-lain atau ketiga-tiga syarat itu serentak atau dua dari tiga syarat di atas.

### **( ISTIDRAJ ) SIHIR PERINGKAT RENDAH (IHANAH DAN SYA'WAZAH)**

Golongan orang-orang fasiq, zalim, munafik dan kafir yang ingin menonjolkan kehebatan dan kebesaran. Mereka ini mengambil ilmu dan amalan daripada orang yang sejenis dengannya daripada segala rupa bentuk jampi, serapah dan mentera yang terpesong dari kaedah syarak pada kalimahnyanya dan ayatnya ataupun mengadakan segala rupa bentuk pemujaan yang di luar batas syarak. Dengan itu, mereka ini akan didatangi oleh jin-jin yang kafir samada di dalam mimpi atau jaga, dengan mengenakan syarat-syarat yang haram dalam hukum syarak sebagai syarat untuk bersahabat dan bertaulan dalam semua kerja buatnya.

Di antara nama-nama gelaran bagi jin yang biasa disebut oleh masyarakat adalah seperti berikut :

- |               |              |                    |                   |
|---------------|--------------|--------------------|-------------------|
| 1. Hantu Raya | 6. Pari-pari | 11. Hantu Kubur    | 16. Hantu Bungkus |
| 2. Jin Tanah  | 7. Langsuir  | 12. Jerangkung     | 17. Hantu Air     |
| 3. Polong     | 8. Toyol     | 13. Hantu Galah    | 18. Pocong        |
| 4. Mambang    | 9. Pontianak | 14. Tenggelong     | 19. Hantu Laut    |
| 5. Bajang     | 10. Pelesit  | 15. Harimau Jadian | dan sebagainya.   |

Kesemua yang tersebut di atas dan lain-lain yang seumpamanya adalah dari jenis jin yang diberi nama sedemikian oleh orang Melayu, tetapi di dalam Al-Quran semua jenis jin yang menjadi keturunan dan bala tentera Azazil Iblis Laknatullah disebut **Ifrit**.

### **RISIKO YANG AKAN DITERIMA OLEH 3 KELOMPOK MANUSIA YANG BERSAHABAT DENGAN JIN**

Puak jin akan bertindak melayan manusia yang memohon pertolongannya dalam segala rupa bentuk ilmu sihir, manusia itu dipanggil Kahin, A'arof atau Munajjin seperti yang disebut dalam Hadis Nabi SAW. Seperti yang dijelaskan dahulu, pengamal ajaran sesat yang mendampingi jin-jin dalam kerja buat mereka berada dalam kesesatan Aqidah, Syariat dan Akhlak. Golongan ini mempamerkan segala rupa bentuk kehebatan dan perkara-perkara yang luar biasa, di antaranya ;

- (a) Kebal.
- (b) Mandi minyak panas yang semata-mata mempamerkan kehebatan bukan untuk tujuan perubatan.
- (c) Segala rupa bentuk pukau memukau.
- (d) Segala rupa bentuk ilmu jurus.
- (e) Segala rupa bentuk hilang diri dan lain-lain kehebatan yang kesemuanya khayal dan waham semata-mata.

Apabila pengamal ajaran sesat mati, jin-jin yang menjadi sahabat mereka itu akan mendatangi anak cucu keturunannya dalam mimpi atau jaga, menuntut agar diteruskan syarat perjanjian yang sedia ada.

Jika anak cucunya berdegil atau ingkar atas syarat-syarat tersebut, mereka akan mengalami berbagai jenis bala dan penyakit serta halangan-halangan dalam kerja buat mereka. Keadaan ini dipanggil gangguan keturunan (saka), dan antara tanda-tanda gangguan tersebut dalam sebuah keluarga ialah:

- (a) Masalah di dalam pertunangan, perkahwinan, kekeluargaan dan kemasyarakatan.
- (b) Mandul (bukan dari sebab masalah organ peranakan)
- (c) Kerap berlaku keguguran anak dalam kandungan.
- (d) Anak hilang dalam kandungan.
- (e) Melahirkan anak cacat anggota atau fikiran atau cacat kedua-duanya.

- (f) Melahirkan anak yang buruk akhlak walaupun menjadi 'ahli agama' atau ulama' besar kerana ada pada diri anak tersebut antaranya sifat-sifat berikut:
- (i) Lekas marah (panas baran).
  - (ii) Cemburu buta.
  - (iii) Irihati, hasad dengki.
  - (iv) Jahat sangka.
  - (v) Mimpi yang menyeronokkan yang jarang-jarang jadi kenyataan.
  - (vi) Jin menjelma masuk ke dalam dirinya mengaku nabi, wali atau malaikat dengan menzahirkan perkara yang menarik adat sebagai bukti kebenaran.
- (g) Mempunyai kelebihan dapat melihat alam atau makhluk ghaib, kebolehan mendatangkan perkara biasa melalui jalan yang luar biasa, umpamanya mendatangkan objek seperti batu cincin, duit emas, keris dan sebagainya.
- (h) Suka bergaduh dan lekas naik darah sehingga pukul memukul, bercerai berai dan sebagainya.
- (i) Hilang ceria diri dalam rumah kediaman.
- (j) Sakit yang berlari-lari (berpindah-pindah tempat di badan) atau sakit di antara kulit dan isi yang tidak dapat dikesan oleh doktor pakar melalui kaedah saintifik.
- (k) Jin menjelma masuk ke dalam badan sehingga tidak sedarkan diri, biasanya dipanggil histeria, kerasukkan dan sebagainya.
- (l) Mimpi yang menakutkan dan menzahirkan beberapa perkara yang merosakkan dan menakutkan seperti :
- Api yang menyala dengan sendiri.
  - Bunyi orang berjalan.
  - Bunyi orang menangis.
  - Bau-bauan.
  - Bunyi bising dan sebagainya.

## **ANTARA SEBAB-SEBAB SESEORANG ITU DISIHIR**

- (a) Masalah perniagaan seperti berkedai, berjaja, kontraktor dan sebagainya.
- (b) Putus pertunangan.
- (c) Masalah pinangan yang tidak diterima.
- (d) Merebut pangkat kedudukan dalam masyarakat.
- (e) Merebut pangkat dalam pekerjaan samada swasta atau kerajaan.
- (f) Merebut harta pusaka.
- (g) Irihati dengan kelebihan jiran tetangga.
- (h) Cemburu, jahat sangka dan lain-lain yang seumpamanya.

## **SILAT DAN PERBOMOCHAN MENURUT ISLAM**

Sebelum dihuraikan perkataan 'silat', terlebih dahulu dihuraikan perkataan 'gayung'. Perkataan 'gayung' asalnya daripada perkataan Melayu Kuno. Asal perkataannya terbit daripada perkataan 'gawang'. Sebagai contoh gawang tangan, gawang siku, gawang kepala, gawang badan, gawang lutut, gawang kaki, menolak, menyepak, menepis sesuatu kejahatan yang datang pada diri.

Perkataan 'gawang' ertinya satu sifat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada semua jenis bernyawa yang terdiri daripada manusia dan binatang bagi menolak jahat dan menerima baik sama ada secara tiba-tiba ataupun melalui susunan latihan. Daripada perkataan 'gawang' inilah terbitnya perkataan 'gayung'.

Perkataan 'gayung' pula kalau diterjemahkan ke dalam bahasa kita sekarang ertinya susunan langkah pertahanan diri iaitu setiap satu susunan langkah yang disertakan dengan tumbuk-menumbuk, sepak-menyepak, terajang, tepis- menepis, lompat-melompat, elak-mengelak dan sebagainya, kaedah ini memang ada pada setiap bangsa di dunia.

Sebagai contoh :-

Di Thailand dikenali sebagai 'Muay' Thai.

Di kalangan Melayu dikenali sebagai 'Gayung'.

Di Cina dikenali dengan Kung Fu.

Di Jepun dikenali sebagai Judo.

Di Parsi dikenali sebagai Gusti.

Di India dikenali sebagai Silambam.

Kecepatan, ketangkasan dan kelasakkan dalam latihan gayung (latihan pertahan diri) terwujud hasil daripada lama masa dan tabah di dalam melaksanakan latihan tersebut. Setengah-setengah bangsa khususiah kelompok orang-orang Melayu berusaha mencari suatu cara atau suatu aturcara yang boleh dikepilkan atau disertakan dalam diri atau di luar diri bagi tujuan menzahirkan kehebatan yang lebih berganda-ganda sehingga di luar batas pemikiran biasa. Untuk itu wujudlah berbagai bentuk jampi serapah, kunjungan dan pemujaan mengikut kaedah gaya dan selera masing-masing.

Antara rupa bentuk pemujaan adalah :

- a. Semahan darah-darah binatang haram atau halal.
- b. Menyembah dan memuja rangka badan manusia atau binatang atau yang seumpama dengannya.
- c. Menyembah dan memuja rupa bentuk sesuatu sama ada besar atau kecil dari alat-alat senjata.
- d. Mengadakan jamuan makanan dan minuman yang halal atau haram.
- e. Alat-alat bunyian.
- f. Adapun jampi serapah pula adalah daripada kalimah-kalimah atau ayat-ayat yang direka sendiri mengikut khayalan atau dalam mimpi atau bisikan atau dari suara yang tidak diketahui arah datangnya atau tuannya.
- g. Pelbagai benda atau tulisan dijadikan tangkal atau azimat.

Apabila si pengamal yang bercita-cita atau berhajat mendapatkan atau menzahirkan suatu kelebihan maka ia akan melazimkan sepenuh diri dengan mengadakan sepenuh tumpuan kepada semua bentuk pemujaan, jampi serapah dan amalan tersebut. Dikala itu akan datanglah suatu lembaga sama ada di dalam mimpi, khayalan atau dalam jaga, berjanji menolong dalam semua bentuk kerja buat dengan syarat patuh kepada semua perjanjian yang diberi dan ditetapkan.

Lembaga ini dikenali dengan panggilan 'dewa / dewi' oleh masyarakat Melayu silam. Di dalam Al-Quran pula dipanggil dengan perkataan 'jin', manakala bahasa moden memanggilnya dengan 'laser' atau 'hologram'.

'Dewa / dewi' (jin) ini menzahirkan rupa diri dalam bentuk manusia mahupun binatang ataupun yang seumpamanya dan kadang-kadang akan menjelma masuk dalam diri manusia dengan mengaku atau memperkenalkan diri sebagai Tuhan, Nabi, Malaikat, Wali, datuk atau nenek dengan menggayakan beberapa perkara yang luar biasa untuk mengikat manusia yang didatanginya itu agar sentiasa menurut, memuja, menyembah, mengikut dan tunduk patuh kepada semua arahannya supaya tidak terputus hubungan. Saka-baka keturunan dan semua bentuk sihir, istidraj, silap mata berasal dan terbit dari sini. Permainan dewa / dewi ini hanyalah sekadar menggantikan sesuatu dengan sesuatu dan ianya terhad atau dengan mengalihkan pandangan mata. Berbeza dengan irhas, mukjizat, karomah dan ma'unah yang mana dasarnya paling sesuatu kepada sesuatu, walau seberapa banyak dan luas sekalipun.

Di dalam Agama Islam, ilmu dan amal sedemikian dipanggil ajaran sesat kerana telah menyesatkan aqidah, syariat dan akhlak seseorang insan yang berada di dalam Agama Islam sehingga dipanggil atau dinamakan syirik, murtad, kufur, munafiq, zalim dan fasiq, kerana si pengamal itu telah jatuh kepada Syirik Uluhiyyah dan Syirik Rubbubiyah, kufur dan maksiat di dalam ilmu dan amalannya.

Tujuan mereka mengadakan yang seumpama dengan yang tersebut hanyalah semata-mata ingin mempamerkan kehebatan, kebesaran, keunggulan kepada masyarakat setempat supaya mereka disanjung, dipuja dan dipuji, dikunjungi, diambil ilmu dan amal daripadanya. Dari sini lahirlah pula individu manusia yang digelar mahaguru, mahajaguh, maharaja, pendekar, hulubalang, panglima, tok pawang, tok bomoh, tok mudim, tok bidan, mak andam dan sebagainya.

## SILAT

Perkataan 'SILAT' berasal dari Bahasa Arab iaitu 'As Silsilati'. Tok Guru saya kata As-Silsilati itu boleh diterjemahkan dengan perkataan perhubungan, hubung kait atau kaitan. Perkataan silat kalau diterjemahkan ke dalam bahasa kita sekarang ertinya latihan pertahanan diri yang ada hubung kait, yang ada kaitan sepertimana yang diajar oleh Nabi SAW kepada sahabat, sahabat pula mengajarkan kepada tabiin dan seterusnya. Iaitu suatu latihan pertahanan diri tidak kira di atas apa juga susunan langkah yang diberi nama atau yang belum diberi nama yang disertakan dengan qosod dan tujuan menjual diri dan hartanya kepada Allah SWT dan Rasul dan sentiasa berada di atas dasar aqidah, syariat dan akhlak Rasulullah SAW kerana :-

- a. Menjaga kesucian Agama Islam.
- b. Menjaga maruah diri dan keturunan yang beragama Islam.
- c. Menjaga harta dan tanahair orang Islam.

Iaitulah suatu latihan yang bebas dari Syirik Uluhiyyah dan Syirik Rububiyah dalam ilmu dan amal. Suatu latihan yang mengajak ahli-ahlinya berada di dalam Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Rububiyah yang membawa kepada kemantapan aqidah, syariat dan akhlak yang sentiasa mengikat darjatnya di sisi Allah SWT.

Manakala wirid, jampi, doa pula daripada Al-Quran, Al-Hadis Nabawi dan yang diambil dari ulama' yang ahli pada babnya yang ada untaian dan rangkaian salasilah ambilannya sehingga sampai kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW atau paling kurang sampai kepada ulama' muktabar yang mahsyur dan dikenali umum, disamping melazimkan puasa sunat dan sembahyang sunat sebagai tetamu kepada amalan yang telah difardhukan dan diwajibkan di dalam Agama Islam.

Dari sini dapatlah difahami dengan jelas dan ketara di antara latihan pertahanan diri, perbomohan, kebatinan dan kerohanian yang menurut Agama Islam dan yang tidak menurut Agama Islam berdasarkan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.



Antara perbezaan pokok yang jelas dan ketara bagi mereka-mereka yang tidak menurut Islam dalam latihan pertahan diri, kerohanian dan perbomohan atau seumpamanya itu mesti akan terdapat atau ada pada diri mereka beberapa perkara berikut :

1. Jahil Murakab.
2. Jahil Basit.
3. Ikut membabi buta.
4. Berpegang teguh kepada hukum adat semata-mata.
5. Mengikut bijaksana pemikiran semata-mata.
6. I'tiqad Hululiyah dan I'tiqad Wahdatul Wujud.
7. Memuja roh dan penjelmaan roh ke dalam diri.
8. Jahil dalam kaedah Bahasa Arab di dalam menghuraikan ayat-ayat Al-Quran, Hadis Nabi dan kitab-kitab Ulama' atau kurang cermat mentafsir ayat dan perkataan mereka.
9. Mengambil ilmu dan amal dari orang jahil aqidah, syariat dan akhlak atau orang yang tidak beramal dengan aqidah, syariat dan akhlak.
10. Ada perjanjian yang sama dengan hukum syarak, harus dan haram dalam hukum syarak.
11. Tidak mendekati alim ulama' yang ahli pada babnya dan tidak mengambil nasihat dan pengajaran daripada mereka.
12. Mengadakan mubai'ah yang disertakan dengan sumpah bagi memberatkan diri melaksanakan yang baik dan menjauhkan yang jahat.
13. Berpegang teguh dan beri'tiqad yang wirid, jampi dan doa boleh menghasilkan sesuatu.
14. Menderhaka kepada Raja dan melanggar undang-undang Negara.

**Ciri-ciri Latihan Pertahanan Diri, Perubatan, Perbomohan dan lain-lain menurut perspektif Islam antaranya :-**

1. Sentiasa berpegang teguh kepada Tauhid Uluhiyyah dan Tauhid Rububiyah dan memelihara diri supaya tidak terjatuh kepada Syirik Uluhiyyah dan Syirik Rububiyah dalam ilmu dan amalan.
2. Memulakan sesuatu yang baik dengan Istighfar, Syahadatain, Taawudz dan Bismillah.
3. Tidak bercampur lelaki dan perempuan yang halal nikah dalam amalan latihan dan dalam perubatan.
4. Latihan itu hanya semata-mata ubudiyah diri, zahir dan batin kepada Allah SWT bagi meningkatkan keyakinan yang tinggi serta mencapai akhlak yang mulia.
5. Berpakaian yang menutup aurat.
6. Tidak membangsakan susunan langkah itu kepada apa yang dilakukan oleh Nabi SAW atau mana-mana Nabi dan Rasul Alaihi Massalam atau kepada mana-mana Rukun Fi'li Islam bagi mengatakan ketinggian dan kehebatan susunan langkahnya.
7. Latihan pertahan diri adalah suatu sunnah dalam Agama Islam jika tujuannya seperti yang tersebut dalam huraian perkataan silat, kerana Nabi Muhammad SAW sendiri menjadi jaguh gusti Semenanjung Arab, dan menjadi panglima agung dalam peperangan dan menjadi maharaja dalam pemerintahan.
8. Memperkukuhkan hubungan silaturrahim dan persaudaraan dalam Agama Islam.
9. Dibolehkan mengambil upah jampi tetapi tidak boleh menjaminkan hasil hajat dan kesembuhan penyakit tanpa bersandarkan kepada Allah SWT.

# RUMUSAN ABJAD MALAYSIA

- ❑ Bertujuan memperkenalkan dan menghidupkan latihan pertahanan diri yang berteraskan landasan Aqidah, Syariat, Akhlak, Jihadu Binnafsi dan Jihadu BilMal menurut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- ❑ Menjaga kesucian Agama Islam, Maruah Diri Orang Islam, Keturunan Orang Islam, harta benda Orang Islam dan Negara Umat Islam.
- ❑ Tidak terikat dengan mana-mana satu susunan amalan atau wirid yang dinamakan Thariqah, Aurad dan sebagainya.
- ❑ Berpegang teguh kepada Aqidah Aliran Syeikh Abu Hassan As-Sya'ari dan Syeikh Abu Mansur Al-Maturidi.
- ❑ Beramal dengan Fiqh Muktabar Imam As-Syafie dan tidak menolak Fiqh Imam Maliki, Imam Hanafi dan Imam Hambali.
- ❑ Akhlak dan Sufi Muktabar Imam Junaid Al-Baghdadi, Imam Al-Ghazali, Imam Sya`arani, Imam Qusyairi dan ulama' muktabar seumpama mereka.
- ❑ Menolak dengan tolak yang putus di lidah, anggota dan hati dalam hidup dan kehidupan 72 puak yang sesat dalam aqidah .
- ❑ Menolak 2 puak Bida`ah dalam fiqh muktabar :
  - a) Bida`ah Dholalah Karohah yang jadi fasiq
  - b) Bida`ah Dholalah Haram yang jadi murtad
- ❑ Menolak 13 puak sufi zindik iaitu puak yang pura-pura mengaku diri beramal dengan akhlak sufi muktabar.
- ❑ Mengikat kukuh di hati, lidah dan anggota hanya kepada Allah SWT dalam Ubudiyah dan minta tolong.
- ❑ Bersungguh-sungguh melatih diri dan mengajak ahli keluarga, sahabat handai dan seluruh masyarakat untuk menjana Iman dan Taat.
- ❑ Menolak segala rupabentuk Kufur, Syirik, Maksiat, Munafik dan Murtad.
- ❑ Melahirkan Pemuda Pemudi yang Taat pada seruan Agama, Beriman dan beramal Soleh dan sanggup menerima dan melaksanakan segala perintah dan laranganNya sebagai Hamba dan Khalifah yang diamanahkan untuk mentadbir Bumi Allah SWT.



# PERSATUAN WARGA MELAYU MALAYSIA

(1450-09-KDH)

WARGA MELAYU

AGAMA ISLAM LAHIR MELAYU  
NOBAT SULTAN RAJA MELAYU  
RAJA MELAYU BAPA MELAYU  
ANAK MELAYU WARGA MELAYU

# Pengenalan

**Persatuan Warga Melayu Malaysia** ditubuhkan menurut Akta Pertubuhan 1966 Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 bertarikh pada 12 Rabiul Awal 1429 H bersamaan 12 Mac 2008 dengan dasar dan tujuan berikut :

**Muafakat** menyampaikan seruan Agama Islam kepada hakikat tauhid yang sah dengan jelas dan terang dan dapat menyatukan fahaman serta amalan supaya hidup kekal di bawah naungan takluk tadbir kekuasaan ALLAH SWT, pimpinan yang satu Rasulullah, panduan yang satu Kitabullah dan Kiblat yang satu Ka'abah.

**Memperkenalkan** satu kaedah pendekatan dakwah dalam ilmu dan amalan serentak rohani dan jasmani untuk membina keperkasaan umat manusia beristiqamah dengan pegangan yang teguh kepada hukum yang tertinggi Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.

**Menghidupkan** martabat Warga Melayu Satu Bangsa Satu Agama Yang Memenuhi Ruang, memelihara hak-hak Agama Islam, diri, keturunan, harta benda dan negara.

**Mendukung** serta mempertahankan Kemerdekaan, Kedaulatan Negara dan membina kekuatan perpaduan, Institusi Kesultanan Raja-Raja Melayu dan hak-hak ketuanan Warga Melayu setiap masa.

**Memperjuangkan** serta memperkenalkan kepada umum bahawa Warga Melayu mengamalkan ilmu dan amalan kehidupan mengikut aliran Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah :

**Tauhid** - Aliran Imam Abu Hassan As-Sya'ari atau Imam Abu Mansur Al-Mathuridi.

**Feqah** - Ikut salah satu daripada Imam berikut dengan tidak bertindih pada amalan, iaitu Imam Shafei, Imam Maliki, Imam Hambali dan Imam Hanafi.

**Akhlak** - Mana-mana Ulama' Sufi yang muktabar yang ahli pada babnya umpama Imam Assiddiqun Sultan Aulia' Syaidi Sheikh Muhyiddin Abdul Qadir Jealani, Imam Al-Ghazali, Imam Junaid Al-Baghdadi, Imam Ahmad Al-Badawi dan lain-lain.

## **KETETAPAN**

Warga Melayu menyediakan Modul Penyebaran dan Perkembangan kepada setiap mukallaf berhasrat membetulkan semula perjalanan dan memperbaiki amalan menerima semula kemuliaan, kekuatan dan keperkasaan sebenar dari janji Allah SWT. Warga Melayu Malaysia mengambil ketetapan akan berperanan segera membantu kepentingan, keperluan, hubungan, kedudukan dan keadaan untuk memenuhi tuntutan pada amnya.

## **TUJUAN DAN MATLAMAT**

**Memperkenalkan** dan menghidupkan semula 'Islam Melayu, Melayu Islam' ( Warga Melayu ) berteraskan Agama Islam dalam bab : Aqidah, Syariat, Akhlak, Pengorbanan Diri dan Harta, Pendirian asas ilmu dan amalannya berdasarkan Al-Quran, Hadis, Ijmak dan Qias.

**Mengembangkan** Tarbiyah, pendidikan dan latihan ilmu pertahanan diri rohani / jasmani serentak segera menyusun segala kekuatan, kemuliaan serta mempamerkan kehebatan yang terhimpun pada Agama Islam, memenuhi tuntutan kewajipan Kalimah Taqwa sebelum memulakan sesuatu pekerjaan melalui dakwah secara lisan, tulisan dan amalan.

**Memperjuangkan** kepada umum bahawa Warga Melayu mengamalkan cara hidup Agama Islam mengikuti sepenuhnya aliran fahaman Mazhab yang Rojeh ahli pada babnya (Ahli Sunnah Wal Jamaah).

**Mengajak** semua atau menggalak pertubuhan-pertubuhan, badan-badan NGO, syarikat swasta, individu dan kerajaan turut memahami sejarah serta mengenali salasilah Warisan Warga Melayu dalam usaha penyebaran dan perkembangan Agama Islam, memenuhi tuntutan memelihara naluri insan menyempurnakan agenda kehidupan.

**Bekerjasama** dengan Jabatan-Jabatan Kerajaan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam setiap negeri, Jawatankuasa setempat, pasukan Polis dan pasukan-pasukan keselamatan yang lain.

**Memberi** kerjasama kepada badan-badan NGO atau persatuan-persatuan yang tidak berlawanan dengan tujuannya apabila ianya sesuai dan tidak bercanggah dengan undang-undang Negara.

**Menyusun** semula secara langsung kedudukan orang-orang Melayu supaya kembali tumpuan kepada sejarah Kedaulatan Warga Melayu melalui satu kaedah pendekatan yang tidak terhenti atas mana-mana satu pun aturan, susunan atau langkah dan tanpa taksab kepada mana-mana pihak.

**Mendukung** kemerdekaan dan mempertahankan kedaulatan Negara, Institusi Kesultanan Raja-Raja Melayu, hak-hak ketuanan Melayu dan berusaha membina kembali kekuatan perpaduan Warga Melayu.

**Berusaha** mengekalkan keamanan dengan memberi kerjasama menjamin hak asasi manusia untuk menghapuskan segala macam kepalsuan, kezaliman, penghambaan dan penindasan yang berlaku didalam masyarakat.

**Menggerakkan** aktiviti menyatukan fahaman dan amalan kehidupan manusia kepada keadilan, pembangunan, kemajuan, kebahagiaan dalam bidang intelektual, pendidikan, ekonomi, sosial dan lain-lainnya.

**Memperkuat** dan memupuk ukhuwah serta menyubur perpaduan Warga Melayu ke arah memelihara kehidupan masyarakat yang sihat dan berkeadilan.

**Mempertahankan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi yang tunggal dalam amalan Negara Malaysia dan berusaha sedaya-upaya memartabatkan Tulisan Jawi dan Bahasa Al-Quran dalam amalan Warganegara.**

**Berusaha memperjuangkan wujud dengan sempurna semua jenis kesenian, kebudayaan, warisan dan Adat Melayu yang tidak berlawanan dengan asas ilmu dan berteraskan Agama Islam.**

**Berusaha membina institusi hak-hak kepentingan Warga Melayu melalui Program Pembangunan Insan Sesama Insan dan lain-lain dalam usaha mencapai matlamat keharmonian antara kaum dalam kehidupan.**

**Menjalankan usaha menyediakan kemudahan tempat pemberian bantuan sehasrat dengan tujuan dan pelaburan amal jariah seumpama pemberian sedekah, derma kekal, yuran derma, Infaq Fisabilillah, amalan wakaf, bantuan zakat dan lain-lain yang mengharapkan keredaan Allah SWT bagi Maslahah penyebaran dan perkembangan Agama Islam dari masa ke semasa.**

**Tanpa terhad kepada mana-mana perkara yang tersebut di atas, Persatuan Warga Melayu melakukan apa-apa juga usaha dan tindakan bagi mencapai semua tujuan yang memberi faedah dengan syarat tidak melanggar mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di dalam negara.**



# KEAHLIAN

Keahlian adalah terbuka kepada:

- Warganegara** Malaysia.
- Beragama** Islam.
- Fasih** berbahasa Melayu.
- Seseorang** yang berumur 16 tahun ke atas.
- Seseorang** yang berumur bawah 16 tahun (permohonan menjadi ahli hendaklah mendapat kebenaran ibubapa/ penjaga dan tidak boleh memegang apa-apa jawatan).
- Taat** segala peraturan, arahan dan patuh kepada Perlembagaan serta keputusan dari semasa ke semasa.

## ASAL USUL KETURUNAN MELAYU

Bahawa asal usul bagi keturunan orang Melayu itu bermula daripada campuran bangsa dari pelbagai kelompok manusia lelaki dan perempuan yang berbagai-bagai bangsa yang bersuku-puak supaya mudah berkenalan di antara satu dengan yang lain yang dijadikan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT di dalam surah Al-Hujurat; ayat 13:

Mafhumnya:

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku-puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra, berhubung silaturahmi antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih Taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya) Sesungguhnya Allah amat mengetahui, lagi amat mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).”

Bangsa terdahulu, orang-orang Hijaz dan bangsa itu menerima Agama Islam dan kekallah bangsa itu bangsa beragama, maka Agama Islam diletakkan pada diri bangsa-bangsa seumpama itu.

Firman Allah SWT di dalam surah Al-Hujurat; ayat 14:

Mafhumnya:

*“ Bangsa terdahulu, orang-orang Hijaz, berkata: Kami telah beriman; Katakanlah (wahai Muhammad): Kamu belum beriman, (jangan berkata demikian) tetapi sementara Iman belum lagi meresap masuk dalam hati kamu, berkatalah sahaja: Kami telah Islam (kami telah tunduk menyerah diri, tidak melawan dan tidak menentang) dan (ingatlah) jika kamu taat kepada Allah dan RasulNya (zahir dan batin), Allah tidak akan mengurangkan sedikit pun dari pahala amal kamu, kerana sesungguhnya Allah amat pengampun, lagi amat mengasihani.*

Maka mana-mana bangsa yang menjadikan huruf Jawi Qadim (Al-Quran) bahasa utama bagi loghat mereka itu iaitu Bahasa Arab, maka orang-orang itu sahaja yang disifatkan “Ahli Jawi Qadim”. Ahli Jawi Qadim menamakan bangsa-bangsa Hijaz yang lain atau bangsa baru (A’jam) dan bangsa itu menerima Agama Islam, maka jadilah bangsa itu bangsa beragama. Agama Islam yang diletakkan pada diri bangsa-bangsa seumpama itu yang dimaksudkan “Ahli Jawi Jadid” yang disifatkan: **Ahli Jawi Bangsa Kebangsaan Berpegang Teguh Agama Islam.**

Bangsa Melayu adalah berasal dari campuran pelbagai bangsa atau kelompok keturunan manusia terdahulu seumpama: Monggol, Arab, Parsi, China, India dan lain-lain yang mendiami di Wilayah Atas Angin dan Bawah Angin di Negeri Kedah Tua. Peristiwa ini berlaku pada tahun 531Hijrah (1136Masihi) di Istana Bukit Meriam, Kota Kuala Muda kepada Maharaja Durbar-Derbar Phra Ong Maha Wanser dan merupakan Raja Pertama di Alam Melayu meletakkan kepercayaan dan jaminan asas pendirian ilmu dan amalan hidup dan kehidupan berpegang teguh kepada Agama Islam melalui Talqin Dua Kalimah Syahadah kepada seorang guru Mursyid wasilah teguh kepada tali Murabbi di Kurun akhir zaman.

Setelah menerima Agama Islam, nama dan gelaran Baginda ditukar kepada Sultan Muzaffar Shah, kemudian Baginda bersama Gurunya menyampaikan seruan kepada Pembesar Istana dan rakyat jelata meninggalkan dengan jazam yang putus segala kepercayaan asal keturunan nenek moyang mereka itu dan mengikut jejak langkah seumpama Baginda, kemudian mengislamkan mereka secara massal bagi mereka itu menanggung beban Agama Islam yang terkandung dalam Kalimah Taqwa yang menjadi Asas Pendirian hidup dan kehidupan.

Dengan yang demikian itu, maka terkumpullah satu kelompok manusia Agong pada awalnya disebut sebagai: Ahli Jawi Jadid. Di atas kehendak Allah SWT yang mengurniakan petunjuk kepada hambanya Sayyid Sheikh Abdullah Al-Qumairi Guru Mursyid Baginda Tuanku Sultan Muzaffar Shah lalu diambil oleh Gurunya kalimah Arab **ملايئو** diberi nama kepada Ahli Jawi Jadid yang membawa maksud: “Kelompok keturunan Manusia Agong”, dan perkataan **ملايئو** yang dibangsakan kepada Melayu

dengan baris di Bawah (kasrah) huruf Mim atau baris di Atas (fathah) dan baris Depan (dhammah) huruf Ya'. Kalimah "Melayu" di mana mereka menyebut mengikut bacaan huruf Rumi "Melayu" maka nama Melayu itu hanya diguna pakai kepada bangsa keturunan ini sahaja setelah mereka menerima Agama Islam dan menjadi asas pendirian hidup dan kehidupan sehingga qiamat. Maka kalimah "Melayu" ini jika ditujukan kepada individu dipanggil "Orang Melayu", jika kepada kumpulan dipanggil "Bangsa Melayu", jika kepada negeri dipanggil "Negeri Melayu", jika kepada Raja dipanggil "Raja Melayu", jika kepada negara dipanggil "Persekutuan Tanah Melayu", jika kepada semenanjung dipanggil "Semenanjung Tanah Melayu", jika kepada gugusan dipanggil "Gugusan Selat Kepulauan Melayu" dan jika kepada dunia dipanggil "Alam Melayu" sehingga terbentuk di dunia sebuah empayar Alam Melayu yang kuat dan kukuh berkuasa lebih daripada 500 tahun. Bangsa Melayu menjadikan huruf Jawi Arab yang ditambah titik pada huruf-huruf tertentu dan kekalkan bahasanya sebagai bahasa utama bagi mereka itu ialah Bahasa Melayu, adalah satu bahasa yang paling ringan dan mudah daripada bahasa-bahasa penduduk-penduduk Wilayah Jawi Qadim, maka dengan sebab itu kebanyakan orang-orang Hijaz dan Arab dahulu menggunakan bahasa Melayu Bahasa Kedua dalam pergaulan antarabangsa.



**PERTUBUHAN GERAK SENI SILAT ABJAD (ASLI)  
JABAT KILAT MALAYSIA (2090 PK)**

## **ABSTRAK**

Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia adalah satu nama yang diberi kepada suatu pertubuhan pertahanan diri yang di dalamnya terdapat semua jenis Langkahhan Pertahanan Diri Rohani Jasmani yang diberi nama atau belum diberi nama dan latihannya adalah menghadap seluruh diri kepada Allah SWT dalam ubudiyah dan minta tolong serentak melalui lidah, hati dan anggota di mana-mana tempat, waktu dan masa berlandaskan Aqidah, Syariat dan Akhlak Islam yang sebenar berdasarkan kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah yang sejati.

## **SEJARAH PENUBUHAN**

Pada awal penubuhan, pertubuhan ini dikenali sebagai Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (A) Jabat Kilat Perak (2090PK) yang telah didaftarkan secara rasminya pada 10 Oktober 1984. Menyedari hakikat bahawa ABJAD perlu dikembangkan ke seluruh negara atau ke peringkat antarabangsa, maka YDP Pertubuhan serta Ahli Jawatankuasanya dengan persetujuan semua ahli membuat satu resolusi menukar nama ABJAD Perak kepada ABJAD Malaysia. Proses ini telah berjalan sehingga mendapat kelulusan rasmi dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 29 September 1988 iaitu dengan nama Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia (2090 PK). Perlembagaan Pertubuhan turut ditukar juga.

Istilah Guru Ijazah Pusat berperanan sebagai jawatan tertinggi dalam pertubuhan ini. Guru Ijazah Pusat dari awal penubuhan hingga sekarang ialah Tuan Guru Ustaz Haji Ahmad Bin Haji Che Din.

## **SEJARAH PENUBUHAN PGSSA(A)JKM CAWANGAN JOHOR**

PGSSA(A)JKM Cawangan Johor telah ditubuhkan pada awal tahun 1993 di alamat, No. 6, Jalan Sakti, Kampung Melayu Majidee, 81100 Johor Bahru, Johor. Pejabat Urusan bagi PGSSA(A)JKM Cawangan Johor pula telah didaftarkan dengan rasminya pada 23 Februari 2001 di alamat; No. 4, Jalan Sakti, Kampung Melayu Majidee, 81100 Johor Bahru, Johor sehinggalah pada tarikh 5 Mei 2008 Pejabat Urusan PGSSA(A)JKM telah berpindah ke No. 148 & 150 , Jalan Nenas 22, Taman Kota Masai, 81700 Pasir Gudang, Johor dan telah disahkan dengan rasminya oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia Negeri Johor pada 8 Ogos 2008. Disusuli dengan pembukaan PGSSA(A)JKM Cawangan Johor, markas gelanggang berikutnya adalah di alamat; No. 11, Kg.Parit Hj. Ali, Mukim 2, 83000 Bagan, Batu Pahat, Johor dan JSK 20, MLO 2615, Jalan Sengkang, Bukit Gambir, 84000 Muar, Johor.

Berikut adalah cawangan gelanggang-gelanggang lain yang telah dibuka, iaitu :

- Gelanggang Taman Kota Masai – Jalan Nenas 12, Taman Kota Masai, 81700 Pasir Gudang, Johor.
- Gelanggang Taman Scientex – Jalan Pelanduk 1, Taman Scientex 81700 Pasir Gudang, Johor.
- Gelanggang Bandar Seri Alam – Masjid Nurul Hidayah, Bandar Seri Alam 81750 Masai, Johor.
- Gelanggang Kg Parit Hj. Ali, Mukim 2, Bagan, Batu Pahat, Johor.
- Gelanggang Jalan Sengkang, Bukit Gambir, Muar, Johor.
- Gelanggang Taman Cempaka - Serom 6, Sungai Mati, Muar, Johor.
- Gelanggang Kampung Parit Pulai – Kg. Pt. Pulai, Sungai Mati, Muar, Johor.
- Gelanggang Pt.Hj.Ibrahim – 33, Kg.Parit Hj.Ibrahim, Mk 2, Bagan, Batu Pahat
- Gelanggang Taman Cempaka – 128, Jalan Cempaka 8, Taman Cempaka, Bukit Gambir, Muar, Johor.
- Gelanggang Kg. Parit Simpang, Kundang Ulu, Ledang, Muar, Johor.
- Gelanggang Kg. Sungai Ayam, Batu Pahat, Johor.

- Gelanggang Kg. Sungai Bunyi, Pontian, Johor.
- Gelanggang Lrg. Parit Semerah, Pontian, Johor.
- Gelanggang Maahad Tahfiz Al Quran, Kg. Air Merah, Mersing, Johor.
- Gelanggang Masjid Kg. Sawah Dato', Mersing, Johor.
- Gelanggang Taman Melewar 2, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.
- Gelanggang Parit Tengah, Rengit, Batu Pahat, Johor.

PGSSA(A)JKM Cawangan Johor telah mengembangkan aktiviti persilatannya di beberapa buah sekolah sekitar Johor Bahru dan Muar. Berikut adalah gelanggang-gelanggang tersebut:

| <b>Bil</b> | <b>Nama Dan Alamat Sekolah</b>   | <b>Tahun Mendaftar</b> |
|------------|--|------------------------|
| 1          | SMK Tmn Johor Jaya 1, Jalan Bakawali 75, Tmn Johor Jaya, 81100 Johor Bahru, Johor.   | Feb. 2000              |
| 2          | SK Tmn Johor Jaya 1, Jalan Bakawali 13, Tmn Johor Jaya 81100 Johor Bahru, Johor      | Feb. 2001              |
| 3          | SK Taman Cempaka, Taman Cempaka, 81200 Johor Bahru, Johor.                           | Jan. 2003              |
| 4          | SK Taman Nusa Perintis 1, Tmn. Nusa Perintis, 81550 Gelang Patah, Johor.             | April 2004             |
| 5          | SMK Taman Mount Austin, Taman Mount Austin 81100 Johor Bahru, Johor.                 | Jan 2005               |
| 6          | SK Serom Lapan, 84410 Sungai Mati, Muar, Johor.                                      | April 2004             |
| 7          | SM Agama Al-Quran-Waddin<br>Jln. Padang 1, Kg. Melayu Majidee 81100 J. Bahru, Johor. | Feb 2007               |

PGSSA(A)JKM di seluruh Malaysia, bekerjasama dengan Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam dan Jabatan Mufti seluruh negeri, jabatan-jabatan kerajaan serta swasta, Pihak-pihak berkuasa, Jawatankuasa Qariah, Jawatankuasa kampung dan sebagainya dalam memberi penerangan dan kefahaman kepada masyarakat bagi menangani masalah ajaran sesat dan pengamal-pengamal ajaran sesat dalam bab persilatan, kebatinan, perbomohan dan kerohanian menurut perspektif Islam.

PGSSA(A)JKM(2090PK) Cawangan Johor juga merupakan Ahli Jawatankuasa bagi Persatuan Silat Kebangsaan (PESAKA Johor) yang berdaftar pada awal tahun 2001 dan ahli kepada Majlis Belia (Johor).



## LOGO DAN BENDERA



**GAMBARAJAH** : Logo Pertubuhan Gerak Seni Silat ABJAD (Asli)  
**Jabat Kilat Malaysia (2090PK)**

Lambang pertubuhan ini merupakan seekor burung serindik yang menunjukkan dua buah kitab yang bermaksud undang-undang dan perlembagaan. Dua bilah pedang dan keris bersilang serta tujuh huruf abjad yang di kelilingi jambakan bunga padi, di bawahnya terdapat anak bulan dengan diapit bendera pertubuhan dan tergantung di bawahnya nama pertubuhan.



GAMBARAJAH: Bendera Pertubuhan Gerak Seni Silat ABJAD (Asli)  
Jabat Kilat Malaysia (2090PK)

Bendera pertubuhan mengandungi enam warna yang bermaksud :

| <u>Warna</u> | <u>Maksud</u>                                 |
|--------------|---|
| a) Merah     | Melambangkan keberanian.                      |
| b) Putih     | Melambangkan kesucian.                        |
| c) Kuning    | Melambangkan kedaulatan raja-raja dan Negara. |
| d) Hijau     | Melambangkan kedaulatan undang-undang.        |
| e) Kelabu    | Melambangkan ketekunan.                       |
| f) Hitam     | Melambangkan pertahanan.                      |

## **OBJEKTIF**

1. Mempelajari dan menghidupkan semula Ilmu Mempertahankan Diri yang berteraskan Aqidah, Syariat dan Akhlak Islam sebenar.
2. Mengadakan latihan Rohani dan Jasmani Serentak tanpa mencampur adukkan di antara Haq dengan yang Bathil.
3. Mempertahankan maruah agama, diri, keturunan (bangsa), harta dan Negara.
4. Memberi kerjasama dengan mana-mana pertubuhan berdaftar, bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Pusat / Negeri sekadar mampu dan bekerjasama dengan pasukan polis dan pasukan-pasukan keselamatan yang lain.
5. Mengembangkan ilmu ini kepada mereka yang berminat mempelajari dan mendalaminya, bertujuan untuk membezakan Yang Haq dengan Yang Bathil di dalam Ilmu Mempertahankan Diri, Ilmu Perubatan, Ilmu kerohanian, Ilmu Kebatinan dan lain-lain lagi mengikut Aqidah, Syariat dan Akhlak Islam yang sebenar.

## **PENGERTIAN KALIMAHNYA**

Perkataan ABJAD itu secara amnya membawa kepada banyak maksud. Jawatankuasa Pusat kami mengambil perkataan ABJAD untuk nama kepada Pertubuhan Gerak Seni Silat Abjad (Asli) Jabat Kilat Malaysia semata-mata mengambil berkat daripada Hadis Rasulullah SAW oleh sebab niat dan tujuan kami untuk mengajak diri dan ahli-ahli yang sedia ada dan mereka-mereka yang berminat menjadi ahli pertubuhan ini bagi melatih diri Rohani Jasmani mengambil ilmu dan amal yang berlandaskan iman dan taat, menolak kufur, syirik dan maksiat untuk memelihara maruah agama, diri, keturunan, harta benda dan tanah air.

Secara terperinci, pengertian :

GERAK SENI SILAT ABJAD (ASLI) JABAT KILAT dihuraikan sebagaimana berikut:

GERAK : Ertinya amalan atau kelakuan atau perbuatan.  
SENI : Ertinya halus, indah, segar, cantik dan baik.  
SILAT : Asal dari perkataan Bahasa Arab: al-silsilati atau salasilah.

Ertinya hubung kait atau perhubungan.

Pengertian yang kami maksudkan adalah menolak segala kejahatan, menerima segala kebaikan dan kebajikan serentak melalui lidah, hati dan anggota pada zahir dan batin seumpama yang diajar oleh Rasulullah SAW kepada sahabat-sahabat RA dan para sahabat mengajar kepada tabi'in, tabi' tabi'in, ulama'-ulama' salaf dan khalaf dan begitulah seterusnya hingga akhir zaman.

ABJAD : Ertinya ASLI yakni Jati Iman, Islam, Ikhsan, Pengorbanan Diri dan Harta seumpama Rasulullah SAW dan sekalian Rasul dan Nabi AS, sekalian para sahabat dan Aulia'illahissolihin.

Ringkasan bagi perkataan Abjad

(الجد) mengikut Hadis (Wallahualam):

Alif = Allah

Ba = Baha Allah.

Jim = Jalalullah

Dal = Dinillah

JABAT : Ertinya sentuhan, penyatuan pada rohani dan jasmani

KILAT : Ertinya pantas, cepat.

Dan bererti cahaya yang menerangi kegelapan.

## **PENGERTIAN KESELURUHANNYA**

Suatu perbuatan atau kelakuan yang baik lagi indah menolak segala rupa bentuk kejahatan dan menerima segala kebaikan dan kebajikan rohani dan jasmani serentak melalui hati, lidah dan anggota berlandaskan Jati Iman, Jati Islam, Jati Ikhsan, Pengorbanan Diri dan Pengorbanan Harta untuk menegakkan agama-Nya pada diri, keluarga dan keturunan zahir dan bathin, seumpama Rasulullah SAW, Nabi-nabi AS, sahabat-sahabat RA dan Aulia'illahissolihin yang mengikuti mereka itu dari masa ke semasa hingga hari Qiamat.

